



DR 7 TAHUN 2016  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

PROGRAM SUBSIDI BENIH PADI SAH  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1.</b>	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROGRAM SUBSIDI BENIH PADI SAH DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b>	<b>1-8</b>
<b>2.</b>	<b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA</b>	<b>9-10</b>
<b>3.</b>	<b>AGENDA MESYUARAT</b>	
<b>4.</b>	<b>LAPORAN PROSIDING</b>	
<b>5.</b>	<b>DOKUMEN PEMBENTANGAN</b>	



**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA**  
**KIRA-KIRA**  
**WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN BERHUBUNG PROGRAM SUBSIDI BENIH PADI SAH  
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI.**

**1. PENDAHULUAN.**

Program Subsidi Benih Padi Sah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2013 Siri 3 (Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 10 November 2014. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 31 Mac 2015 iaitu dalam prosiding bilangan 18, 31 Mac 2015

**2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.**

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah bersidang bertujuan untuk:

- i. Mengkaji dan meneliti pengurusan program bagi mengenal pasti sama ada wujud kelemahan yang boleh diambil iktibar darinya.

- ii. Mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan program dan memberi pendapat PAC Parlimen mengenainya.
- iii. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil untuk memperbaiki kelemahan.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI.**

3.1 Skop PAC Parlimen tertumpu kepada isu-isu utama yang dibangkitkan terhadap Program Subsidi Benih Padi Sah melibatkan skop prestasi pencapaian, pengurusan subsidi dan pemantauan program ini.

3.2 Metodologi PAC Parlimen adalah dengan menyemak dokumen yang berkaitan, menemu bual pegawai yang terlibat dengan Program Pengurusan Subsidi Benih Padi Sah iaitu daripada MoA termasuk Ketua Setiausaha; pegawai Jabatan Pertanian Malaysia (DoA); pegawai Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB).

### **4. LATAR BELAKANG PROGRAM SUBSIDI BENIH PADI SAH.**

MoA telah melaksanakan program pemberian subsidi pengeluaran dan penggunaan benih padi sah mulai tahun 2007. Benih padi sah adalah benih yang bermutu, subur dan bebas daripada padi angin/perosak/penyakit.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PROGRAM SUBSIDI BENIH PADI SAH  
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Objektif program ini adalah untuk menggalakkan petani padi (pesawah) menggunakan benih padi bermutu tinggi dan disahkan supaya hasil pengeluaran padi ditingkatkan.

Selain itu, ia dapat membantu pesawah mendapatkan benih padi yang lebih murah dan berkualiti. Subsidi dibayar kepada syarikat pengeluar benih padi sah berasaskan jualan benih padi sah kepada pesawah dan berdasarkan kuota yang ditetapkan.

Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2013, sebanyak 39 kontrak telah ditandatangani antara Kerajaan dengan empat (4) hingga 13 syarikat yang terlibat dalam pengeluaran dan pembekalan benih padi sah kepada pesawah.

Kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM436 juta bagi tempoh tujuh (7) tahun iaitu daripada tahun 2007 hingga tahun 2013 untuk membiayai program ini.

Sasaran pengagihan kuota dan peruntukan secara tahunan bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah di antara 74,000 metrik tan (mt) hingga 80,000 mt dengan jumlah peruntukan RM30 juta hingga RM85 juta.

Pemberian subsidi bermula tahun 2007 iaitu sejumlah RM0.50 sen sekilogram kepada pengeluar benih padi sah telah dinaikkan menjadi RM1.03 sekilogram mulai tahun 2009 bagi varieti benih padi sah inbred dan RM15 sekilogram bagi varieti benih padi sah hibrid.

Bahagian IPB, MoA bertanggungjawab terhadap penetapan dasar, menyelaraskan dan memantau program pengeluaran benih padi sah serta mengesahkan tuntutan pengeluar bagi tujuan pembayaran subsidi.

DoA pula bertindak sebagai agensi pengesahan bagi memperakukan kualiti biji benih padi sah. MARDI merupakan penyedia dan penyimpan

stok benih baik baka serta membekalkan benih asas kepada pengeluar yang dilantik MoA.

Pengeluar adalah syarikat yang dilantik oleh MoA untuk membekalkan/menjual benih padi sah kepada pesawah.

Proses pengeluaran benih bermula daripada MARDI yang mengeluarkan benih padi asas dan dijual kepada pengeluar untuk diusahakan / menyemai menjadikan benih padi daftar.

Syarikat pengeluar kemudiannya, melantik *service provider / seed grower* untuk mengusaha / menyemai benih padi daftar bagi mengeluarkan benih padi sah.

DoA akan membuat pengesahan kualiti terlebih dahulu terhadap benih padi sah keluaran syarikat pengeluar sebelum ia dijual kepada pesawah.

Setelah benih padi sah dijual kepada pesawah, syarikat pengeluar akan mengemukakan tuntutan subsidi kepada MOA berdasarkan jumlah jualan benih kepada pesawah.

## **5. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN.**

### **5.1 Pencapaian Pengeluaran Benih Padi Sah.**

Bahagian IPB menetapkan unjuran tahunan pengeluaran benih padi sah mengikut kuota bagi setiap pengeluar. Jumlah keseluruhan kuota yang dibenarkan adalah 80,000 mt/tahun bagi benih padi sah varieti inbred dan 200 mt/tahun bagi benih padi sah varieti hibrid.

Pencapaian secara keseluruhan pengeluaran benih padi sah varieti inbred tidak konsisten bagi 3 tahun berturut-turut iaitu

80.98% pada tahun 2011, 113.14% pada tahun 2012 dan 86% pada tahun 2013.

Pencapaian pengeluaran benih padi sah oleh pengeluar tertentu juga tidak konsisten iaitu antara 16.26% hingga 187.94% berbanding kuota yang diluluskan bagi pengeluar tersebut.

Antara sebab pengeluaran tidak konsisten ialah syarikat pengeluar gagal mendapatkan *seed grower*, kekurangan dana dan modal serta serangan penyakit *Bacterial Leaf Blight* (BLB) di ladang benih padi.

Manakala, pencapaian pengeluaran benih padi sah varieti hibrid hanya bermula pada tahun 2012 dengan pencapaian hanya 5.14% dan tiada pengeluaran pada tahun berikutnya iaitu tahun 2013.

#### **Keterangan dan Maklum Balas KSU MoA.**

Perkara utama dalam pengeluaran benih adalah untuk memenuhi keperluan benih dalam negara bagi setiap tahun. Dalam isu ini, keperluan bagi tahun 2011 dan 2012 telah melebihi keperluan yang ditetapkan.

Walaupun pencapaian 2011 mengambilkira enam (6) pengeluar, empat (4) daripada enam (6) pengeluar berkaitan telah menuntut bayaran insentif dan MoA telah membuat pembayaran melalui kelulusan khas oleh YB Menteri.

Oleh yang demikian, pengeluaran keempat-empat pengeluar tersebut wajar diambilkira kerana ia menyumbang kepada kecukupan benih negara.



Walaupun pencapaian 2012 melebihi kuota daripada keperluan namun pembayaran dibuat berdasarkan kuota yang ditetapkan sahaja.

Bagi tahun 2013, serangan penyakit *Bacterial Leaf Blight* (BLB) yang serius di negeri Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Perak telah menjejaskan pengeluaran benih pada tahun berkenaan.

Selain itu, MoA berpandangan bahawa kekurangan bekalan benih padi sah pada sesuatu musim tidak menjejaskan pengeluaran padi negara pada keseluruhannya.

Statistik pengeluaran padi bagi tahun 2011 hingga 2014 menunjukkan bahawa berlaku peningkatan pengeluaran padi secara konsisten.

## **5.2 Pengurusan Subsidi Benih Padi Sah.**

Nota Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani kepada Jemaah Menteri bertarikh 1 Ogos 2006 dan 17 Disember 2010 serta kontrak antara Kerajaan dengan syarikat pengeluar menyatakan bahawa subsidi (insentif) akan boleh dibayar kepada syarikat pengeluar benih padi apabila mengemukakan resit jualan tunai / invois jualan kredit benih padi sah kepada pesawah bersama Surat Akuan Pengesahan Benih Padi (SAP-10) yang dikeluarkan oleh DoA.

Prosiding PAC Parlimen mendapati penemuan JAN adalah berasas terhadap *improper payment* sebanyak RM410,557.60 yang telah dibayar oleh MoA kepada syarikat pengeluar.

*Improper payment* ini, boleh dibahagikan kepada 2 kategori iaitu bayaran sejumlah RM92,803 melebihi kuantiti jualan oleh syarikat pengeluar (overclaimed).

Manakala, sejumlah RM317,754.60 telah dibayar kepada syarikat pengeluar bagi jualan benih padi daftar walaupun kontrak hanya membenarkan pembayaran subsidi ke atas jualan benih padi sah sahaja. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menjalankan siasatan ke atas isu-isu ini.

#### **Keterangan dan Maklum Balas KSU MoA.**

Berhubung isu pembayaran subsidi melebihi kuantiti jualan benih sejumlah RM92,803 melibatkan Syarikat Paddytech Sdn Bhd, Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn Bhd dan Syarikat Haji Md. Nor Bin Haji Abd. Rahman (M) Sdn Bhd, pihak SPRM telah memberi maklum balas bahawa hanya bagi Syarikat Haji Md. Nor Bin Haji Abd. Rahman (M) Sdn Bhd, MoA perlu menyeneraihitamkan syarikat tersebut.

Bagi Syarikat Paddytech Sdn. Bhd. dan Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn Bhd pula, MoA belum mendapat maklum balas daripada pihak SPRM. Bagaimanapun, Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn Bhd dan Syarikat Haji Md. Nor Bin Haji Abd. Rahman (M) Sdn Bhd telah membayar balik jumlah subsidi yang terlebih bayar.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PROGRAM SUBSIDI BENIH PADI SAH  
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Manakala, bagi isu *improper payment* sejumlah RM317,754.60 kepada Syarikat Pertama Padi Sdn Bhd dan Syarikat Paddytech Sdn Bhd, pihak SPRM telah mengemukakan maklum balas hasil siasatan terhadap Syarikat Pertama Padi Sdn Bhd yang mendapati prosedur operasi standard (SOP) MoA adalah salah kerana tidak memaklumkan definisi benih padi sah dan benih padi daftar kepada syarikat.

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 18/ 2015 pada Selasa 31 Mac 2015**

## 6. RUMUSAN PAC PARLIMEN.

Secara keseluruhannya, PAC Parlimen mendapati pengurusan Program Subsidi Benih Padi Sah adalah memuaskan bagaimana pun isu-isu yang berkaitan dengan pembayaran adalah kurang memuaskan.

PAC Parlimen berpendapat masih banyak ruang perlu diperbaiki khususnya, dalam soal pembayaran kepada syarikat pengeluar benih padi sah bagi mengelakkan ketirisan terhadap hasil kerajaan.

## 7. SYOR PAC PARLIMEN.

Disyorkan semua pihak yang berkepentingan dan yang terlibat dengan program ini harus mengambil langkah-langkah berikut:

- 7.1 MoA perlu meneliti hasil siasatan SPRM dan membuat penambahbaikan dalam pengurusan setiap program di bawah Kementerian.
- 7.2 KSU MoA sebagai Pegawai Pengawal hendaklah tegas dalam menangani isu *improper payment* dan memastikan pengurusan kewangan di Kementerian adalah lebih mantap.
- 7.3 Meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini dan mengambil inisiatif tindakan terhadap syor PAC Parlimen serta perkara-perkara yang dikenalpasti sebagai punca kepada masalah yang timbul.

- 7.4 Mengambil pengajaran (lesson learnt) daripada punca masalah sebagai iktibar untuk proses penambahbaikan yang berterusan dalam lain-lain sistem pengurusan program Kerajaan serta yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.
- 7.5 Punca masalah terutamanya dalam kelemahan daripada segi pembayaran hendaklah dikaji secara teliti oleh Kerajaan bagi memastikan perkara sama tidak berlaku dalam lain-lain program dan agensi Kerajaan.

### **Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 18/ 2015 pada Selasa 31 Mac 2015**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 18/2015 PADA SELASA 31 MAC 2015  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p align="center"><b>31 Mac 2015 (Selasa)</b></p> <p align="center"><b>11.00 pagi</b></p>	<p align="center"><b>Program Subsidi Benih Padi Sah</b></p>	<p align="center"><b>Kementerian Pertanian &amp; Industri Asas Tani</b></p>




# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Bilangan 18/ 2015 pada Selasa 31 Mac 2015**

**Bil.18**

**Selasa  
31 Mac 2015**



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Program Subsidi Benih Padi Sah**

**- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KETIGA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK JAWATANKUASA 2, TINGKAT 1, BLOK A  
PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 31 MAC 2015**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

Y.B. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*  
Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
Y.B. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
Y.B. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
Y.B. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
Y.B. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
Y.B. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]  
Y.Bhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

Y.B. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
Y.B. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]

**URUS SETIA**

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Ahmad Johan bin Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]  
Puan Siti Rohaini binti Roslan [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Y.Bhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]  
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Audit Bahagian II (Sektor Audit  
Kerajaan Persekutuan)]  
Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal [Timbalan Pengarah Audit  
Persekutuan (Pertanian dan Industri Asas Tani)]  
Encik Mohd. Sazali Mohd Saad [Juruaudit]  
Puan Krishnavani A/P Mylvaganam [Juruaudit]  
Encik Khong Lok Sang [Penolong Juruaudit]

---

(samb/-)

### HADIR BERSAMA (samb/-)

#### **Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]

#### **Jabatan Akauntan Negara**

Puan Haryati Sapihis [Ketua Penolong Pengarah]

#### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

#### **Unit Perancang Ekonomi**

Cik Zarina binti Ali Merican [Timbalan Pengarah Pertanian 2]

### SAKSI

#### **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

Y.Bhg. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman [Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]

Y.Bhg. Dato' Naimah binti Ramli [Setiausaha Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP)]

Y.Bhg. Dato' Amran bin Alias [Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)]

Encik Mohd Azman bin Ismail [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]

Puan Wan Rufaidah binti Dato' Haji Wan Omar [Penasihat Undang-undang]

Encik Shamsuddin bin Ismail [Timbalan Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras (KPB)]

Dr. Hanisah binti Hussin [Timbalan Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB)]

Tuan Haji Md. Zin bin Mohd Supaat [Timbalan Pengarah Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur (Seksyen Padi)]

Tuan Haji Mohd Shaib bin Jaafar [Ketua Unit Benih, MARDI]

Encik Sharhan bin Shokey [Ketua Penolong Setiausaha (Pembangunan)]

Encik Idris bin Ismail [Ketua Penolong Setiausaha (IPB)]

Puan Mardhiah Ismail Niza [Penolong Setiausaha]

Encik Mohamad Hirman bin Md. Yusuf [Penolong Setiausaha]

Cik Siti Afzan binti Baharudin [Pegawai Khas, KSU]

Encik Mohamad Zuhairi bin Ali [Penolong Pegawai Pertanian Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur (Seksyen Padi)]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Selasa, 31 Mac 2015****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.10 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** Selamat pagi saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Pada hari ini PAC akan memanggil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mendengar penjelasan mengenai program subsidi benih padi sah. Selepas itu kita juga pada hari ini akan mendengar juga penjelasan daripada kementerian berhubung dengan pemberian beras subsidi ST15.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Hari ini juga?

**Tuan Pengerusi:** Hari ini jugalah. Dia fasal apa, dia sekalilah, kementerian sudah ada. Isu pemberian subsidi ST15 ini menjadi masalahlah di dalam pasaran. Jadi, isu pertama sekali subsidi pengeluaran benih padi yang bermula pada tahun 2007 bagi menggalakkan pesawah menggunakan benih padi bermutu tinggi dan disahkan supaya hasil pengeluaran padi dapat ditingkatkan. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM436 juta bagi tempoh selama tujuh tahun mulai tahun 2007 sehingga 2013 untuk membiayai program ini.

Subsidi ini dibayar kepada syarikat pengeluar benih padi yang sah berasaskan jualan benih padi sah kepada pesawah dan berdasarkan kuota yang ditetapkan. Berdasarkan pengauditan yang telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sepanjang tempoh Oktober 2013 sampai 2014, secara umumnya program ini didapati pada tahap memuaskan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan program ini. Antaranya adalah pengeluar benih padi yang sah, *variety in bred* tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Kedua, prestasi perbelanjaan sebenar berbanding bajet adalah kurang tepat, di mana program ini masih lagi belum diperluaskan ke Sabah dan Sarawak walaupun peruntukan RM7.11 juta telah disediakan. Pembayaran subsidi tidak menepati syarat perjanjian, mengakibatkan berlakunya *improper payment* sebanyak RM410,000. Kaedah penanaman padi secara tabur terus masih lagi digunakan berbanding dengan *transplanting* yang boleh

menjimatkan kadar penggunaan benih padi. Jadi, isu ini telah dibawa dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013, Siri 3 kan?

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** Betul, betul.

**Tuan Pengerusi:** Ya, okey. Jadi, sebelum kita panggil kementerian masuk, kita minta Jabatan Audit Negara untuk berikan penjelasan mengenai kedua-dua isu ini.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed, Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi PAC; Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato', Datuk, Ahli-ahli PAC, wakil-wakil Kementerian Kewangan, Akauntan Negara Malaysia, JPA dan juga EPU serta pegawai-pegawai Audit sekalian. So, dua tajuk kajian Audit sebagaimana disebut tadi, yang pertama Program Subsidi Benih Padi Sah, ini LKN 2013, Siri 3. Akan di bincang bersama Laporan Ketua Audit Negara 2011, tajuk 'Pengurusan Program Subsidi Beras kepada BERNAS dan Pengilang Padi Swasta'.

Jadi, kita akan bincang secara serentak dan bersekitar kepada isu makanan asas rakyat Malaysia iaitu beras. Saya akan sambung kepada ucapan daripada Tuan Pengerusi tadi. Untuk pengurusan program subsidi beras kepada BERNAS dan pengilang padi swasta, kementerian telah memperkenalkan enam jenis bantuan dalam bentuk pemberian atau subsidi insentif bagi industri padi dan beras. Enam jenis bantuan ini adalah inisiatif peningkatan hasil padi, inisiatif pengeluaran padi, subsidi beras ST15, subsidi benih, subsidi baja dan pembajakan.

So, pada tahun 2011, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM2.331 bilion bagi kesemua jenis bantuan ini. So, salah satu daripada bantuan ini adalah Program Subsidi Beras kepada BERNAS iaitu Padi Beras Nasional Berhad dan pengilang padi swasta...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Datuk, Datuk ulang berapa bajet tadi itu?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Bajet RM2.331 bilion. So, untuk makluman, sehingga akhir tahun 2011 telah di belanja RM1.82 bilion. So, nanti akan dijelaskan secara *detail*lah. Program subsidi beras ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada bulan Ogos 2008 bagi memastikan penyaluran beras jenis ini kepada golongan yang berpendapatan rendah dapat dikawal dari segi kuantiti bekalan dan harganya. So, antara isu yang menjadi perhatian rakyat, kita dapati penjualan beras subsidi di pasaran terbuka.

So, hasil pemeriksaan kami ada dijual di pasar raya *hypermarket*. So, maknanya ini...

**Tuan Pengerusi:** Tahun berapa itu? Mulai tahun berapa?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ini peristiwa tahun, bulan Mac pada tarikh 24 Mac 2012 di negeri Selangor.

**Tuan Pengerusi:** Oh, masih dijual?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So, itu salah satu isulah yang jadi perhatian. So, itu sahaja daripada saya. Saya jemput Encik Raja untuk memperjelas secara *detail*. Kita ada *slide* hari ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Hendak *recap* balik. Subsidi beras ini jumlah peruntukan RM2.8 bilion, yang sudah keluar RM1.8 bilion. Dia *start* tahun 2008 sampai sekarang?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Kajian kita 2011.

**Tuan Pengerusi:** Ini kajian 2011. Oh, kajian lama, bukan kajian baru.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ini tajuk ini kajian lama.

**Tuan Pengerusi:** Oh, okey.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Tahun ini kita sedang menjalankan sekali lagi kajian ini.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2011 pun sudah berlaku. Maknanya, dijual di pasaran terbuka. Patutnya benda ini tidak boleh dijual di pasaran terbuka.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dia macam ini *Chairman*, saya bawa isu ini waktu di persidangan Parlimen dahulu. Isu saya waktu itu ialah kita tidak dapat ST15 ini di *supermarket*. Tidak ada ST15. Jadi, ST15 ini apa yang saya dimaklumkan oleh *whistle blower* ini ialah beras ST15 ini dicampurkan pula dengan beras lain dan dijual atas ST lainlah. Limalah, berapalah, inilah. Ya, jadi kita ada dua isu yang saya hendak tengok. Satu, pemberian lesen untuk menjual ST15. Itu satu masalah yang besar, kedua tidak ada di pasaran.

Jadi, kita rasa hasrat kerajaan untuk bagi rakyat kurang mampu ini dapat beras ini, dia tidak sampai ke situ.

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal [Timbalan Pengarah Audit Persekutuan (Pertanian dan Industri Asas Tani)]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Allow me to recap our* Laporan Ketua Audit Negara berkaitan dengan ST15 yang telah kami laksanakan pengauditannya pada tahun 2011 dan telah dilaporkan pada tahun 2012. So, pengauditan pertama yang telah kami laksanakan ialah pada tahun 2011 dengan tajuk 'Program Subsidi Beras kepada BERNAS dan Pengilang Padi Swasta'. Pengauditan ulangan telah dibuat iaitu sedang dilaksanakan pada tahun ini atas arahan Ketua Audit Negara dan ia dijangkakan di lapor dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3.

Sebenarnya, ST15 dan S15. ST15 adalah super tempatan 15 bagi Semenanjung Malaysia dan S15 peratus adalah super 15 peratus di Sabah dan Sarawak. Kelulusan Jemaah

Menteri telah diperoleh pada Ogos 2008 dan tujuannya adalah untuk golongan yang berpendapatan rendah. *That is why it was subsidize* untuk mendapatkan satu harga yang lebih rendah daripada harga pasaran yang beras S15 peratus itu. So, antara objektif yang ditetapkan adalah menyediakan bekalan beras ST15 dan S15 peratus bagi memenuhi permintaan dan keperluan pengguna.

■1120

Selain itu, mengekalkan harga kawalan beras subsidi dari RM1.65 bagi Semenanjung hingga RM1.80 per kilogram bagi Sabah dan Sarawak. Ketiga, objektifnya ialah menampung kerugian pengilang untuk mengeluarkan beras subsidi ST15. Dari segi penemuan Jabatan Audit pula, pada umumnya program subsidi beras belum mencapai penuh objektifnya. *That is why Yang Berhormat, on your point, this is what our findings is* kerana ia tiada mekanisme yang diwujudkan oleh kementerian bagi memastikan golongan sasaran mendapat manfaat.

Selain itu, pengurusan program ini adalah kurang memuaskan. Secara keseluruhannya, pengurusan *itself* adalah kurang memuaskan. Seperti pertama, sasaran pengeluaran tidak dicapai. Purata pencapaian bulanan bagi Januari hingga Mac cuma 23.5% sahaja. *So definitely, it could not reach the target group.* Bagi April 2009 hingga Disember 2011 secara puratanya, di Semenanjung 87% iaitu ada peningkatan dan di Sabah Sarawak 80.8%, so ada peningkatan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Boleh tahu tidak, siapa yang *target group* kita ini? *Who are the target group? You are going to come to that?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *We are coming to that actually.*

So, yang keduanya adalah tuntutan subsidi sejumlah RM243.25 juta belum dibayar oleh MOA kepada BERNAS disebabkan peruntukan tahunan yang tidak mencukupi. *This is yearly affair. Every year* mereka ada hutang kepada BERNAS, *so total of RM243 million* pada tahun 2011. Perjanjian antara kementerian dan BERNAS lewat ditandatangani. *This is more on procedural* di mana kesemua 12 perjanjian lewat antara 69 hari hingga 634 hari. Sebanyak empat daripada 12 perjanjian tersebut ditandatangani selepas tamat tempoh kontrak.

Keempat, dia tiada satu garis panduan yang jelas dan komprehensif bagi memastikan proses pemilihan dibuat dengan telus dengan mengambil kira keupayaan pemborong. Tiada bukti Jawatankuasa Pemilihan Pemborong diwujudkan.

Kelima adalah berkaitan dengan pengurusan stor dan stok beras. Akaun harian stok di pengilang ataupun pemborong tidak dikemukakan untuk pengauditan dan yang dikemukakan tidak dikemas kini pula. Terdapat juga kes...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Boleh saya tanya balik?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Ya.



**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Perjanjian kerajaan hanya dengan BERNAS?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Right.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kemudian BERNAS lah yang akan turunkan perjanjian itu kepada pengilang-pengilang dan pemborong-pemborong?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Akan tetapi, senarai akan dilesenkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Senarai pengilang dan pemborong akan dilesenkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani *actually.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** BERNAS yang akan...

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** BERNAS yang akan uruskan dengan mereka.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Urus niaganya bersama dengan BERNAS tetapi yang putuskannya kerajaan.

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Kerajaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ada kes di mana pengilang mengisi beras di dalam kampak di tempat selain dari yang dilesenkan. *So, they do 'pengampitan' ini di premis yang bersama-sama dengan mihun and some other things. Our concerned is that, ST15 ini tidak capai kepada golongan sasaran because one of the scenario semasa kita pergi ke Tesco, kita dapati ada seorang pembeli yang telah membeli lebih kurang 20 guni daripada Tesco. Apabila kita berbincang dengan orang yang beli itu, dia kata he is doing a business, he have a mihun factory. So, apabila dia beli dengan harga yang subsidized rice, it does not reach to the target group of golongan miskin. Ia adalah supaya golongan miskin ini dapat beli dengan harga yang lebih murah beras tersebut. So, it seems like it is businessman who are buying this.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Saya sendiri pergi, saya tidak jumpa beras ST15 ini. *So, ada dua masalahlah. Satu, beras itu memang tidak ada. Kedua, beras yang ada pun dibeli oleh businessman, bukan orang yang miskin.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak tanya sedikit, ini *findings* 2011 bukan? Masa itu masuk dalam Laporan Ketua Audit Negara, PAC tidak *picked up*? Semasa itu saya...

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *No.*

**Tuan Pengerusi:** *I was not in PAC.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Ya. Dato' Seri Haji Azmi Khalid.

**Tuan Pengerusi:** *Why did not PAC picked up this one? This is a...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*  
...Kenapa tiada pula? Ada...

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Saya masuk tahun 2013. *No, I* jadi Ahli Jawatankuasa masa itu, tahun...

**Encik Raja Sunthara Kannan a/l Dato' Raja Gopal:** Ya, Yang Berhormat *was one of the Member actually during that time.*

**Tuan Pengerusi:** *Member but I do not remember this thing been picked up...*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Yes, it was not picked up.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *No, I came. Few Mesyuarat I came.*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Akan tetapi hal-hal beras ini, BERNAS kita...

**Tuan Pengerusi:** Dato' KJ pun ada.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Hal BERNAS kita ada tetapi tidak tahulah spesifik ini atau...

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Bukan *this topic* Yang Berhormat. *It is not this topic.* Dia ada lain topik. Peningkatan hasil padi ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, tetapi selalunya AG akan *flag this issue to us* bukan? Macam ini betul-betul serius.

**Datuk Haji Anwar bin Suri:** Kita *re-flag* tetapi masa saya buat *presentation*, saya ada buat *re-flag* tetapi tidak di...

**Tuan Pengerusi:** Selalu saya datang masa...

**Datuk Haji Anwar bin Suri:** Masa ini zaman peralihan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Ini tahun 2012 bukan, bentang? Bentang 2012, masa itu hendak pergi *election*. *[Disampuk]* Tidak. Kalau pembentangan Laporan Ketua Audit Negara memang saya ada. Dato' KJ, kita – Yang Berhormat Kepong pun ada. *[Ketawa]* Isu ini macam mana boleh terlepas? Macam mana saya pun boleh alpa isu ini. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, kita banyak, itu PKFZ dan sebagainya, lebih besar itu. Kita pilih yang besar dahulu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dahulu banyak masalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Banyak masalah dan Tuan Pengerusi pun tidak datang juga.

**Tuan Pengerusi:** Buktikan. Ini salah anggapan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak salah anggap. Akan tetapi kalau dia tidak hadir, macam mana dia tahu?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Yang Berhormat, yang berkaitan dengan di pasar raya tidak ada bekalan ST15, ini disebabkan oleh syarikat membeli sekali gus, *a big stocks*. So, bila *one* syarikat beli *about* 20 kilogram, 30 kilogram, 10 kilogram beras, so *that is why* golongan yang disasarkan itu tidak dapat memperolehnya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *The worst is, what I have been told, there are arrangement by pengilang dengan pemborong. By license dia hantar tetapi dia bayar certain fees to buy back. This is where we really wanted to find out because ini betul-betul golongan orang miskin punya keperluan.*

**Tuan Pengerusi:** Encik Raja, *I do not understand. You said sudah hantar di supermarket, tetapi sebelum orang dapat beli ada orang beli dahulu?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Ya. Sebagai pengguna, *anybody can buy because it is a loose products. I mean anybody can go and buy. There is no restrictions about whose supposed to buy and the quantity.*

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Kuantiti tidak ada...

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Tidak *mentioned in any* peraturan.

**Datuk Wee Jeck Seng:** Okey. Tidak ada sorok di mana-mana?

**Tuan Pengerusi:** *So, how do you allocate ini? Encik Raja, how do you allocate to each supermarket itu? Mana hendak jual itu?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Dia begini Tuan Pengerusi, pengilang ini, *government punya concern* dia bayar kepada pihak BERNAS harga subsidi yang *will be enjoy by the* pengilang atau pemborong. Setakat itu sahaja. *From the* pemborong, *then they leave it free hand to supply to the shops. So, it is right up to that point only. So, there is no any control. That is why in our syor Audit, kita telah bangkitkan isu ini, memaklumkan kepada kementerian supaya ada satu mekanisme yang dapat memastikan golongan sasaran itu dapat membeli beras ini dengan mengeluarkan kupon. For example, dia mesti bekalkan kupon, only then they can buy this beras which will be in control actually in that situation. Akan tetapi I think kementerian masih menghadapi kesukaran untuk mengeluarkan kupon. It is not an easy process too.*

## ■1130

**Tuan Pengerusi:** Sampai sekarang pun tidak buatlah?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Belum buat. *That is what our Ketua Audit Negara has asked us to do again, redo again this audit to find back what happened to the syor.*

**Tuan Pengerusi:** *No, my point is this, kementerian bagi kepada BERNAS as the sole distributor lah?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Well, at that point of time, actually those days was given only 10,000 metric tonnes. Jumlahnya adalah 40,000 metrik tan. 5,000 metric tonnes only as a sole distributor of BERNAS given. The rest of it given to the pengilang, pemborong.*

**Tuan Pengerusi:** *Directly?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Directly also.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Metrik tan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Per month. Every month dalam pasaran mesti ada 40,000 metrik tan ST15 di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak 20,000 metrik tan. 60,000 kesemuanya. Each kg subsidize for RM1.30. RM1.35 sen, Sorry. Per metric tonne is RM700 subsidize.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Per metrik tan, 1,000 kg,

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Subsidize.*

**Tuan Pengerusi:** 70 sen per kilo lah?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Yes, per kilo. Akan tetapi apabila kami melaksanakan pengauditan semula pada tahun 2015. Kami baru *start* bulan lepas, kami mendapati kesemua 40,000 *metric tonnes has been given to BERNAS. So, they deal with BERNAS only. Then, BERNAS will select all those pemborong dan pengilang.*

**Tuan Pengerusi:** *That is why my- prior to this, you said only 5,000 tonnes out of 40,000 tonnes every month is allocated to BERNAS. The balance 25,000, how was it allocated?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** *Is it by quota, by...*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Yes, they have...*

**Tuan Pengerusi:** *...by kawan-kawan.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Tuan Pengerusi, actually at that time what we found is that 40,000 metric tonnes untuk Semenanjung, 5,000 was given to BERNAS, balance of 35,000. 30,000 sahaja yang kita dapat jumpa of the quotas with has been distributed. The are another five which was hanging there in MOA actually. It is because probably pengeluarannya tidak—keperluan itu tidak mencapai, that is why the could reduce the...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Saya cuma hendak dapat clear ini. 40,000 kepada BERNAS...*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *This year, starting from this year.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Who decides the pemborong?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Kementerian.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Kementerian.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Kementerian decides.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *That is why our issue just now, tiada garis panduan yang jelas dan komprehensif bagi memastikan proses pemilihan dibuat dengan telus dengan mengambil kira keupayaan pemborong. So, MOA tidak ada satu guidelines, proper guidelines, whom to be chosen.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, is this an issue for SPRM?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *At that point...*

**Tuan Pengerusi:** *No, because I...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Apa kapasiti MOA untuk hendak pilih? Because, kalau beras ini semua BERNAS yang control. BERNAS yang tahu pengeluar. BERNAS yang tahu pemborong kan? Apakah kapasiti MOA untuk buat benda ini?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Okey, daripada segi pelesenan, correct. Ia ada Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB), they have a lists of pemborong. So, they select them based on keupayaan untuk mengeluarkan ST15 ini. So, they have to go and visit that kilang, okey dia ada tempat, dia ada gudang. All those things, then only dia pilih that company.*

**Tuan Pengerusi:** *Okey.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *So, they used to give 2,000 metric tonnes to one company, 3,000 metric tonnes to another company.*

**Tuan Pengerusi:** *That is the usual practice lah?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *That is the usual practice which now they have given directly to BERNAS.*

**Tuan Pengerusi:** *No, no. But then, you said just now the ministries still decides lah. Who to give lah.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Bukan.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Bukan, bukan. Lesen dikeluarkan oleh MOA. So, they identify these are the pengilang, pemborong. Then, they will ask BERNAS to deal with these pengilang, pemborong.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Now.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *No, MOA. MOA decides.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Who is responsible? So, you're saying that MOA will licensed those pemborong based on capacity dia,...*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Right.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *...they will be deciding how many times you are allowed...*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Right.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *...to do process.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Correct, correct.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Okey. Akan tetapi the whole quantity is given to BERNAS.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *BERNAS.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Then MOA will then write a letter to BERNAS, please deal with A, B, C, D, and E on dia punya kuantiti.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Yes.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Is it true?*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Right, correct.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *So, BERNAS ini just an office boy lah, a processor lah.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *It is not a processor, it is a pengilang.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Just an administrator.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Administrator, right. MOA sudah appoint pengilang, pemborong, then BERNAS deal with them. BERNAS will buy from them and they give it to the pengilang untuk repack to 15%- yes, yes. Akan tetapi ia masih di control oleh MOA.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Ya. So, on the next one, isu penjualan beras subsidi di pasar raya besar tanpa kawalan pembelian oleh golongan sasar. So, Carrefour, Tesco- it doesn't make sense that selling there, padahal apabila kita pergi kedai runcit yang biasa di kampung, we could find very minimal or none there. Probably dekat kedai runcit ini pun telah dibeli, they don't buy a lot, say 100 packs, so 50 bought by company, business companies.*

**Tuan Pengerusi:** *Ya lah, that means the whole rationale for this subsidy beras ini is not there lah.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Is not there.*

**Tuan Pengerusi:** *Because, it can be abused at the pengilang level kan? Then, the distribution part can be abused again.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Right.*

**Tuan Pengerusi:** *Because, it doesn't reach the...*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Target group.*

**Tuan Pengerusi:** *...target group.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...60,000 tan, RM700 untuk satu tan per month sebab RM24 million. So, on this only about RM500 million lah, it is not 2.2, a year about RM500 million.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Ya. So, if you were to see in our report, this is how it is being given out. Di kementerian ada BERNAS dan pengilang, ada kuota. Kementerian also licensed for pemborong dengan kuota, then pemborong ini akan jual kepada peruncit and peruncit akan jual kepada pengguna. The loose end is, peruncit kepada pengguna.*

*There is no control* yang kita tidak boleh hendak buktikan bahawa golongan sasar yang telah mendapat manfaat daripada subsidi ini.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *It will take us about four months. So, we started last month. So, probably by...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *The way I like you to look at it, because minister promised in Parlimen, when I brought it in this issue, dia kata dia akan batalkan semua lesen dahulu. Pemborong-pemborong ini sepatutnya diaudit kembali dan lesen baru dikeluarkan. Saya hendak tengok sama ada berlaku ataupun tidak.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Okay, alright.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Alright.*

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *We will check on that.*

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Saya masih ingat pada sesi yang lepas, waktu itu saya bukan di Parlimen. Akan tetapi Parlimen Tuaran waktu itu mengatakan satu program apa yang dipanggil, SUBUR? Tentang ini dan ada satu program mengenal pasti siapa yang layak dan sebagainya di kawasan kami sehingga 3,000 ke 5,000 orang yang dibuat oleh kementerian pertanian.

**Datuk Wee Jeck Seng:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Madius bin Tangau:** Yang kenal pasti itu tetapi akhirnya, tidak jadi. Jadi...

**Datuk Wee Jeck Seng:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Madius bin Tangau:** Jadi, pertanyaan saya, adakah Audit telah melihat itu juga dalam pengauditan? Apakah sebenarnya yang telah berlaku?

**Datuk Wee Jeck Seng:** Dia bagi satu senarai nama kawasan, siapa yang patut dapat dan siapa yang tidak patut dapat.

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Pengilang is it?*

**Datuk Wee Jeck Seng:** Kementerian.

**Datuk Madius bin Tangau:** Itu yang penerima ini, pengguna. Dia minta senarai pengguna, dipanggil SUBUR.

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Tidak ada.

**Datuk Madius bin Tangau:** Dipanggil SUBUR tetapi tidak 'subur'. Pakai kupon, apakah terjadi?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Tidak ada, tidak ada. *In our physical visit to the shops and all these, we have never noticed anything.* Kalau tidak, kedai itu akan ada senarai *who supposed to buy...*

■1140

**Datuk Madius bin Tangau:** Okey, tetapi dari segi pengauditan dasar dan pengurusan apa sebenarnya telah berlaku? Apabila dia cadangkan ini sebab pihak kementerian sudah minta senarai. Selepas itu tidak jadi. Jadi, kita ingin tahu bahawa apa sebenarnya sudah berlaku? Ini kerana waktu itu saya masih ingat Menteri Datuk Seri Noh, dia sebenarnya sudah nampak masalah yang subsidi ini hanya sampai kepada pemborong, tidak sampai kepada pengguna. Jadi dia perkenalkan SUBUR. Akan tetapi SUBUR itu tidak subur. Jadi sebenarnya apa yang berlaku? Apa yang terjadi? Apa masalahnya? Sebab hari ini kalau kita buat rumusan, buat cadangan, saya fikir kita kena balik kepada SUBUR lagi. Akan tetapi SUBUR tidak boleh dilaksanakan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kenapa?

**Datuk Madius bin Tangau:** Kenapa?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Tuaran. Semua kita ini diminta kemukakan senarai mereka-mereka yang memerlukan dan kita sudah kutip semua ini tiba-tiba tergantung. Senarai itu tidak pernah digunakan. Jadi, Yang Berhormat Tuaran kata tadi kalau kita hendak balik kepada SUBUR, baik Jabatan Audit *check* juga kenapa SUBUR tidak boleh dilaksanakan? Di mana kekangannya?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *We will take note of that in our auditing.*

**Datuk Wee Jeck Seng:** Kita ada... MyKasih, semua itu memang orang miskin. Kenapa tidak ada senarai?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *In fact we suggest that to them, to use the e-Kasih, mechanism something like to give coupon to this people and then they will use it. So, they can control in a sense that, okay, this family ada berapa orang dalam family. So, one month how much is the usage, so each time when they go they filled up in the form, things like that. Another thing Yang Berhormat, we also notice that ramai warga asing yang beli this beras also kan? [Ketawa]*

**Datuk Madius bin Tangau:** Kalau di Sabah memang orang asing yang dapat. So, di kawasan saya, apa yang saya buat kita sedang melaksanakan KOBERA. Ini sebuah koperasi untuk yang menerima kebajikan. Jadi, kita pun sudah dapat kuota ini, sudah dapat kuota di

Tuaran. Kita sudah melaksanakan dan kita gunakan koperasi untuk pengedar dan dia punya *retail* pun koperasi. Dengan ini sedikit sebanyak orang kampung dapatlah. Akan tetapi walau bagaimanapun yang tadi itu, memang orang asing, yang pekedai-pekedai semua dapat.

**Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]:** Dato' saya hendak tanya sedikit, biar kita dapat penjelasan yang betul macam mana rantaian ini berjalan. Okey, daripada kementerian dia bagi kuota kepada BERNAS, betul kan?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Part of it.*

**Encik Rosli bin Yaakub:** Okey, dia punya bahan mentah ini, beras ini daripada mana BERNAS dapat? Beli ataupun daripada pesawah.

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Daripada pesawah.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tidak cukup. Betul kah?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Sabah dan Sarawak lebih kepada import, *in Semenanjung is* tempatan. Semua mereka beli daripada pengeluaran tempatan. Sabah dan Sarawak sahaja dia *import*.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Okey, lepas itu, katalah kementerian melantik pemborong. Adakah pemborong ini membeli beras daripada BERNAS?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** *Probably on time part the kementerian would answer, KSU* mungkin.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Okey, kemudian peruncit ini apa yang dapat daripada subsidi itu, daripada siapa? Daripada BERNAS atau pemborong?

**Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal:** Okey, dia dapat daripada pemborong.

*Next*, yang dia kata tentang ini ialah kita pembuat, kita buat. Ini yang isu dia Paddytech, yang dia patut keluarkan benih padi itu tetapi tahun itu dia hanya boleh keluarkan 3.26% sahaja dari yang sepatutnya. Okey, bila kita...

**Datuk Madius bin Tangau:** Boleh balik pada tadi, yang slaid tadi?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Balik pada slaid tadi.

**Datuk Madius bin Tangau:** Saya hendak tanya, adakah...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Slaid yang pertama, okey.

**Datuk Madius bin Tangau:** Ada syarikat yang tidak dapat *direct negotiation*, yang jual secara...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Yang enam syarikat tadi.

**Datuk Madius bin Tangau:** Ya, yang jual secara persendirian dapat subsidi. Akan tetapi dapat subsidi jualan.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Kemudian, permulaan sepatutnya kita bayar, kepada tujuh itu. Lepas itu yang enam ini, empat sahaja yang menuntut bayaran pasal dia dah jual. Bagi yang itu, kementerian bayar. Empat *company* itu. Itu yang jumlah padi itu, yang dari segi *performance* itu dah melebihi daripada 107.55%.

**Datuk Madius bin Tangau:** Okey, tetapi agaknya ada atau tidak syarikat ini yang menjual secara persendirian tetapi dia ada dapat subsidi jualan?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Dia dapat?

**Datuk Madius bin Tangau:** Dia dapat subsidi jualan tetapi dia jual secara persendirian. Ada tidak macam itu?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Saya rasa yang empat *company* itu lah, yang menuntut itu *but the rest* itu tidak menuntut.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Maksud Yang Berhormat tadi, dia punya pengeluaran 60%, yang lebih itu yang tidak dapat *direct negotiation*.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Yes, tidak dapat.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Yang tidak dapat *direct nego* itu, dapat atau tidak subsidi dari kerajaan?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Itu yang saya kata tadi. Ada enam *company* hanya empat yang menuntut, dia dapat subsidi itu, dibayar balik. Bermakna ada kelulusan khas dibayar balik. Pasal kadang-kadang tender ini keluar Jun, Julai, dia dah beri kepada – dia dah jual pada petani pada bualan Februari, Mac iaitu semasa orang menanam. Itu sebabnya yang penambahbaikan yang kita buat ini memang kita buat supaya jangan kita keluar tender sampai dah hendak menanam, apa semua dan kita beritahu *because* kalau sekarang pun saya tengok yang syarikat ini lebih kurang dalam 18 buah syarikat sahaja. Itu yang bila tidak dapat itu...

**Tuan Pengerusi:** Dia bidang ini khusus, tidak banyak syarikat sebab itu saya tengok tadi carta ini tahun 2013 tidak adapun tambahan capaian yang sebenar. Akan tetapi syarikat ini semua sama kan, dari 2011 sampai 2013, semua syarikat itu sama, yang empat syarikat itu. Akan tetapi nampaknya prestasi mereka memang tidak boleh sampai 90% lebih kurang sama sahaja, 80%, 81% dengan 86%.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Cuma yang... itu nampak ya, yang itu lebih. Cuma...

**Tuan Pengerusi:** So, kenapa benda itu berlaku?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Kemudian 2013 ini, ada penjelasannya. Tahun 2013 ini yang penyakit pucuk itu BLB itu, pada 2013 memang padi diserang penyakit itu. Di mana pucuknya – sepatutnya dia dah *after 60 days* itu kelopak dia terbuka untuk dia berbunga, masa itu penyakit berlaku, bila hujan terlampau banyak memang penyakit itu datang. Itu yang BLB terjadi.

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi yang Jabatan Audit timbulkan. Pengeluaran padi makin meningkat tetapi benih tidak cukup, benih dia tidak sampai dia punya jumlah optimum untuk hendak tanam padi itu. So, macam mana pengeluaran padi boleh meningkat tetapi pengeluaran benih masih lagi pada tahap 80%, 86% bukannya 100%? Maknanya bekalan benih tidak cukup untuk hendak jadi benih untuk beras itu.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Akan tetapi peningkatan meningkat.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi pengeluaran meningkat, kenapa Dato'?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Jadi maksud dia, ada orang menanam tanpa menggunakan benih badi sah.

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Bukan diimportlah? Maknanya benih-benih itu datang daripada yang benih yang tidak dapat, yang diberi oleh kementerian?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Memang apa keadaan pun, sekarang pun, memang benih padi ini – sebab itu bila kita tengok *yield* berbeza-beza sebab ada petani yang dia menanam padi ini dia tidak gunakan benih padi yang kita suruh beli ini. Memang ada. Sama juga kita kata benih padi, macam benih padi MR219, memang elok. Akan tetapi, ada satu benih padi yang CL, yang kata benih padi kebal itu. Mereka beli sebab mereka tidak payah beli baja, mereka beli benih sahaja, racun, baja semua tidak ada. Akan tetapi itu memang yang saya beritahu MADA, seperti yang saya cakap itu. Kalau MADA, kita ada KADA. Kenapa MADA tidak syarat kan orang ini mesti tanam benih ini? Padahal kita punya kawalan, mereka kata tidak boleh, memang tidak ada kuasa yang kita kata, okey 'A' mesti tanam benih ini, tidak ada. Itu yang kita kata, kita beri subsidi tetapi...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya subsidi ini, tidak optimum.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Betul.

**Tuan Pengerusi:** Pasal apa, kalau penanam padi pun tidak mahu pakai benih padi yang dikeluarkan oleh program ini...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Benih padi yang MR itu, sebab ia, macam benih padi kebal, hasil dia, dia naik dan meningkat tetapi sebenarnya dia hanya boleh ditanam untuk satu musim, dua musim sahaja. Akan tetapi petani tidak ada. Itu yang kadang-kadang kita kata kenapa kita wujudkan banyak IADA, tentulah kita hendak *control* supaya orang itu dia buat, dia disiplin, dia tanam masa bila, dia menuai masa bila, masa bila mesin masuk. Akan tetapi keadaan dia tidak boleh berlaku macam itu sebab macam cakap masa musim menuai, memang kita kata tapi bila mesin yang menuai itu sampai dia hendakkan *volume*, dia datang sahaja kita



pun belum masak betul-betul terus tuai. Itu yang kualiti padi beras tidak jadi kerana petani yang sebelah itu lagi seminggu hendak masak, dia jalan sekali. Dia kata "*Ini sahaja, minggu depan kita sudah pergi sebelah sana*". Itu yang kita rasa, memang betul, disiplin ini patut diutamakan.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, soalan yang timbul begini, adakah subsidi untuk benih padi masih lagi diperlukan ataupun *just let market forces take over*? Pasal tadi, Dato' kata benih padi kita buat tapi tidak cukup. Lepas itu orang beli dari luar, beli yang kualiti lebih baik. Lepas itu dia tanam, pengeluaran naik tapi di tempat pengeluaran itu kementerian tidak boleh *control* pula pasal ada orang yang hendak tuai cepat, ada orang hendak tuai pada masanya, jadi kualiti beras yang keluar itu pun tidak konsisten.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Contohnya, beras kalau *compare* dengan Kelantan dan dengan Kedah memang jauh beza.

**Tuan Pengerusi:** Sebab itu saya faham, maknanya dari segi program ini dia adalah untuk dasar keselamatan makanan kita. Saya faham, tetapi subsidi ini kalau ia tidak dimanfaatkan dengan optimum ataupun maksimum, *you* hendak buat benih padi ini untuk dapatkan padi yang terbaik. Akan tetapi, di sebelah pengeluaran *you* tidak *control* siapa yang hendak tuai awal, siapa yang hendak tuai pada masanya. Jadi, kualiti tidak konsisten. Ada putus dia punya rangkaian pengeluaran padi ini.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Betul Tuan Pengerusi, tetapi macam benih bantuan subsidi ini adalah satu bentuk bantuan tetapi kaedah ataupun disiplin petani itu satu perkara yang berbeza. Itu yang kita kadang-kadang...

**Tuan Pengerusi:** Saya faham Dato' tetapi kita di PAC hendak tengok wang yang dibelanjakan pada subsidi ini ada *value for money*. Kita tamatkan subsidi minyak dulu pasal benda itu tidak bagi kita *value for money*, pasal tidak boleh lagi hendak tampung kenaikan harga minyak pada ketika itu. Akan tetapi sekarang dah turun balik, dah okey. Jadi biar. *Let's the market forces decide*.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Yes, Yes.

**Tuan Pengerusi:** Dalam hal ini, kalau...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Sama ada perlu atau tidak lagi, relevan atau tidak subsidi ini...

**Tuan Pengerusi:** Pengeluaran benih ini, kalau tidak *just open sahaja to market forces*.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Akan tetapi mungkin kita boleh melihat, kalau ini lebih kurang dalam RM85 juta subsidi dia. Mungkin kementerian boleh memikirkan subsidi RM85 juta ringgit itu jangan ditarik tetapi bagaimana RM85 juta itu boleh di manfaatkan oleh petani

sampai objektif Dato' tadi itu, peningkatan pengeluaran. Mungkin boleh, daripada kita dijumlahkan hanya kita mesti benih, benih sahaja.

■1250

Walhal Kementerian pun rasa benih ini tidak membantu, hasilnya tidak sampai, kita tidak ada masalah pengeluaran, petani tidak mahu menerima benih kita. Petani tidak yakin, bajakah, benihkah daripada Kementerian.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Mungkin Yang Berhormat, kalau macam DOA boleh beri kita. Sebenarnya kita punya ini, keperluan kita untuk yang subsidi ini 80,000 metrik tan. Sebenarnya keperluan berapa metrik tan untuk satu Malaysia ini. Keperluan, berdasarkan keluasan kita ini, berapa sebenarnya? Itu yang kita hendak tahu. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Duduk depan teruslah. Tidak payah pergi balik belakang. *[Ketawa]*

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Dia pun takut kerusi itu. *[Ketawa]*

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya apa yang kita buat dengan perancangan 80,000 tan ini adalah satu jumlah yang sebenarnya melebihi apa keperluan yang diperlukan oleh benih padi untuk Semenanjung Malaysia inilah. Kalau diikut daripada statistik dari segi keluasan sawah padi di Malaysia ini dengan keperluan benih, dengan 74,000 tan pun sudah memadai.

Okey, sebab itu pada peringkat awal dahulu kita buat program ini bermula dengan 74,000 tan. Akan tetapi apabila sampai pada tahun 2009, di mana kita tingkatkan pada 80,000 tan, pada masa itu terdapat masalah kritikal dari segi jaminan bekalan makanan, kita mengalami masalah banjir dan sebagainya. So, pada ketika itu kita telah memikir untuk membuat kontingensi stok untuk benih-benih sekiranya berlaku apa-apa masalah ketidakcukupan benih, kita ada lagi *backup* sejumlah lagi yang kita perlukan. *That's why...*

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Jadi, kalau itu penjelasannya, menunjukkan 80,000 metrik tan ini memanglah semua petani menggunakan benih padi sah.

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Ya.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Akan tetapi mengapa dia punya— kita pun jadi PAC juga. *[Ketawa]* Ya lah...

**Tuan Pengerusi:** Pegawai Dato' itu. *[Ketawa]* Kami tengok dan dengar sahaja.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Kita fikir. Logiknya Tuan Pengerusi, kalau dia gunakan sama ini, macam mana hasilnya boleh beza-beza.

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Balik kepada yang tadi ya. Okey, 80,000 metrik tan ya. Akan tetapi kita kena ingatlah yang pengeluaran benih padi ini dikeluarkan sepanjang tahun.

Ia bukannya— walaupun kita ambil kira dalam tahun tetapi contohnya, pengeluaran tahun 2012, kalau kita tengok lebih, sebenarnya ia juga digunakan untuk *cover* dalam tahun selepasnya. Ini disebabkan ada pengeluaran benih padi yang dikeluarkan dalam hujung tahun bulan 11 dan 12, yang itu ia akan digunakan pada tahun yang berikutnya.

So, itu dari segi kita *cover*lah dari segi keperluannya. Jadi, apa yang kita— contoh, kalau dalam tahun 2013 ini, kata yang tadi tidak cukup. Kalau kita tengok dari segi kuantiti 68,000. Sebenarnya ia ada ya, daripada 2013 pun ia ada digunakan dalam tahun itu, penggunaan dalam tahun yang selepasnyalah. Kemudian...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ia tengokkan, kalau masa 2013 itu, serangan penyakit BLB itu...

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Itu salah satunya. Apabila berlaku serangan...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Tentu dia punya hasil itu turun daripada 2,599. Ini naik. Untunglah kalau begitu dia orang. *[Ketawa]*

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Untuk benih ini ya, saya ingin jelaskan. Okey, dari segi ladang benih. *Mostly* kita punya keluasan, hampir 40% ladang benih kita adalah terletak di kawasan Selangor. Apa yang saya *relate*kan dengan penyakit pada tahun 2013 itu, pada ketika itu, pada tahun 2013 memang kawasan di Selangor memang teruk di serang oleh penyakit BLB. Akan tetapi di kawasan-kawasan lain, di kawasan MADA dan kawasan yang lain itu tidak mengalami masalah ini. Hanya pada kawasan itu dan yang kena ini kebanyakannya adalah ladang benih. *That's why*lah pada tahun itu dari segi pengeluaran benihnya agak menurun.

**Tuan Pengerusi:** Yang ini yang program yang *sponsored* oleh kerajaan 80,000 tan, yang orang lain yang tidak— yang tadi *company* lain yang *produce* tidak masuk dalam jumlah ini dia orang *produce* berapa ribu tan?

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Sama sahaja. Yang kata yang *produce* masuk dan diambil kira itu hanya pada tahun 2011 sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan. Akan tetapi dia orang masih *produce* lagikah tidak?

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Tak sudah.

**Tuan Pengerusi:** Sudah tidak ada ya?

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Tidak ada. Itu hanya pada ketika itu sahaja, sebab mereka sudah buat. Apabila mereka sudah tahu dia orang tidak dapat *target* untuk buat seterusnya, dia orang *stop*, sudah tidak buat.

**Tuan Pengerusi:** Dia orang *stop*.

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *Next question is*, sekarang ini pengeluarannya pada tahun 2011 turun, 2012 naik, 2013 turun balik. Kalau untuk tahun 2014 ada *shortage* tidak? Fasal saya rasa sudah tentu ada *shortage*.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Mesti ada.

**Tuan Pengerusi:** Kalau ada *shortage* pun, ada import benih daripada negara lain tidak? Dibenarkan atau tidak?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Oh, 2014 pun ada penyakit. Sebab itulah kalau kita tengok Tuan Pengerusi, kalau kita tengok ya lah, cara matematiklah. Jadi, maksudnya 68,000 metrik tan, tahun 2013 itu dia boleh menghasilkan 2.6 pengeluaran kan? Jadi, maknanya...

**Tuan Pengerusi:** Dato', maaf saya cakap, ada tidak benih yang daripada luar negara...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Benih yang daripada luar...

**Tuan Pengerusi:** ...yang diimport masuk dalam negara kita.

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** *So, far* tidak ada.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** *So far*, kalau ikut tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** *Confirm* ya?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** *Confirm* tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Ini *statement confirm* ya?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ha, *confirm* tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kalau kita dapat tahu nanti ada... [*Ketawa*]

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ha, ya lah.

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Kita hanya benarkan untuk *research* sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Untuk *research* sahaja yang kita benarkan daripada luar negara masuk.

**Tuan Pengerusi:** Sebab itu saya kata tadi, *confirm* ya, *you* cakap ya?

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Untuk penanaman padi kita tidak benarkan, hanya untuk *research* sahaja.

**Tuan Pengerusi:** *Confirm* *you* cakap ya?

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey ya, tidak ada ya? Benih dari luar negara digunakan untuk hendak tanam padi negara kita ini. Fasal sekarang ini kita hendak cari *correlation* di antara pengeluaran padi dengan pengeluaran benih, yang nampak ada janggalnya.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Yang berlaku *last year* ya, di Tanjong Karang, yang penyakit itukan? Dia bawa benih padi, dia tanam sendiri dan dia kena penyakit. Itu memang benih yang dia bawa daripada luar yang tidak melalui proses kita. Ada.

**Tuan Pengerusi:** Itu sebab saya kata itu, ada tidak orang lain yang buat benda ini? Ada orang lain yang import benih ini dan pakai.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Itu memang tanpa kebenaran kitalah ya, tanpa kebenaran kita, tanpa melalui kita.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, saya hendak *correlate* di antara pengeluaran benih padi dengan pengeluaran padi.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Pengeluaran padi.

**Tuan Pengerusi:** Nampak ada janggalnya. Jadi, kalau ada janggalnya itu, maknanya yang kekurangan itu ditampung oleh—kekurangan pengeluaran domestik ditampung oleh import benih daripada luar. Sekarang ini, tadi wakil DOA kata tidak ada kan?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Dia kata tidak ada kan?

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini Dato' kata ada. *[Ketawa]*

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya lah macam yang di—*no*, yang di Tanjong Karang itu bila ia berlaku, selepas itu dia hendak minta kita bantuan, kita kata *no*, fasal dia memang bawa secara *illegal*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Akan tetapi Tuan Pengerusi ya, negara kita melarang sesiapa sahaja membawa masuk benih daripada luar negara. Akan tetapi kalau hendak bawa masuk ke negara ini memang bukan satu dua sahaja, ia memang banyak. Kalau macam itu, apakah cara yang digunakan untuk masuk ke negara ini?

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya lah.

**Tuan Pengerusi:** Bawa dalam apa, begkah? Lalu KLIA kah?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya, betullah. Saya minta Tuan Haji Md. Zin daripada Jabatan Pertanian untuk menjelaskan.

**Tuan Haji Md. Zin bin Mohd Supaat [Timbalan Pengarah Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur (Seksyen Padi)]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, Tuan Pengerusi. Nama saya Md. Zin Mohd Supaat daripada Jabatan Pertanian. Jadi, berkenaan dengan kekurangan pengeluaran benih sah ini tetapi kenapa hasil meningkat. Jadi, untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat semua, pada tahun 2013 dan

2014 sebenarnya pihak kita menghadapi masalah dari segi satu, pengeluaran benih-benih padi yang tidak sah oleh pengeluar-pengeluar yang tidak sah.

Ini urutan daripada kita sekarang ini kita ada satu *variety* baru yang kita panggil BLT Clearfield. CL2, kita panggil CL2. Harganya agak mahal tetapi *variety* itu mempunyai potensi hasil yang sangat baik. Sebagaimana yang Dato' beritahu tadi, maknanya petani berebut-berebut hendak dapat benih itu. Akan tetapi harganya RM120 satu beg. Ia dijual secara pakej, benih dan racun sekali. Racun itu memang khas untuk pokok padi itu. Tujuan padi ini, benih *variety* ini adalah untuk mengawal padi angin sahaja. Akan tetapi petani diistilahkan sebagai padi kebal. Akan tetapi dia tidak kebal. Ia benih *variety* ini hanya kebal kepada padi angin tetapi tidak kebal kepada penyakit.

Oleh sebab harga ia mahal, jadi petani pada peringkat awal memang ikut pakej itu. Akan tetapi petani ini *smart* juga. Apabila dia sudah tanam satu musim, dua musim, di dapati mungkin ada cara lain, dia beli benih sahaja tetapi racun dia beli di tempat lain. Jadi, itu yang timbulnya ada sesetengah pengeluar yang tidak diberikan tender oleh Kementerian Pertanian, jadi dia mengeluarkan benih itu. Itu sebab apa ada setengahnya- jadi walaupun 86% kita punya pengeluaran benih, jadi ditampung oleh benih-benih yang tidak sah.

#### ■1300

Akan tetapi benih tidak sah itu bukan dari luar negara, dalam negara juga. Benih-benih yang telah di *reject* oleh Jabatan Pertanian, jadi ada sesetengahnya diambil balik oleh pengeluar-pengeluar yang lain.

**Tuan Pengerusi:** So, apa bezanya untuk pengeluar sah dengan pengeluar tidak sah ini? Apa premium dia, apa dia punya *special*? Adakah kementerian memang sahkan dengan tidak sahkan benih padi ini untuk hendak pastikan kualiti pengeluaran padi itu meningkat dan kualiti beras yang dihasilkan itu baik?

**Tuan Haji Md. Zin bin Mohd Supaat:** Tuan Pengerusi, benih padi sah ini, kita Jabatan Pertanian sebagai agen untuk mengesahkan benih padi yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar yang dilantik. Jadi, dalam proses kita hendak mengesahkan benih padi ini, hendak *certified* padi itu, kita ada SOP yang telah ditetapkan dan kita berpandukan kepada *standard* yang telah ditetapkan oleh SIRIM. So, dalam SOP kita, ada dua peringkat atau proses untuk kita mengesahkan benih padi ini. Pertama, di peringkat ladang. Peringkat ladang, kita ada empat *steps* di mana kita pergi ke ladang-ladang benih. Pertama, dari peringkat...

**Tuan Pengerusi:** Nama encik apa tadi? [Disampuk] Tuan Haji Md. Zin ya. Soalnya begini, apakah gunanya hendak sahkan dengan tidak sahkan benih padi ini? Saya tahu

piawaiannya ada dan sebagainya tetapi kenapa perlu hendak sahkan dan tidak sahkan? Macam Dato' kata tadi benih-benih yang kena penyakit itu, kalau dia pakai benih yang tidak sah, sepatutnya kementerian...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya lah, pun boleh hasilkan banyak.

**Tuan Pengerusi:** ...Kementerian tangkap dia kerana pakai benih padi yang tidak sah, bukan? Jadi, adakah program ini hanya hendak bantu orang tertentu ataupun *just* subsidi tidak payahlah. *Just* biarkan *open market* sahaja kalau orang itu boleh benih padinya sendiri.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Kalau dengan guna benih padi sah ini, kita boleh dapat pengeluaran yang baik. Kemudian kalau mereka masih guna benih padi yang tidak sah, dia *still* boleh *produce* yang baik. Baik kita gunakan yang tidak baik itu, tidak payah sah.

**Tuan Pengerusi:** Baik tidak payah ada benih padi yang sah dan tidak sah kategorinya.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya lah, sama sahaja.

**Tuan Pengerusi:** *Open market* sahajalah. Maknanya penanam padi boleh beli mana-mana sahaja.

**Tuan Haji Md. Zin bin Mohd Supaat:** Tuan Pengerusi, begini, benih padi sah...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tuan Haji Md. Zin, jadi tadi kalau benih berbeza daripada pendapat Jabatan Pertanian, *with all your expertise*, apa beza dia dari segi kualiti beras yang dihasilkan, padi yang dihasilkan? Antara yang sah dan tidak sah ini.

**Tuan Haji Md. Zin bin Mohd Supaat:** Itu saya beritahu tadi, padi sah dia sudah melalui *screening*. Jadi, *screening* di peringkat ladang dan juga *screening* di peringkat makmal. *Screening* itu berdasarkan kepada SOP kita. Saya beri contoh di peringkat ladang, kita ada empat pemeriksaan. Kita hendak pastikan benih padi ini mestilah yang pertama sekali, ia tulen. Maknanya kalau daripada MARDI dikeluarkan 219, jadi yang ditanam itu mestilah 219. Keduanya, di ladang juga kalau kita lihat, kita hendak pastikan benih-benih padi ini mestilah bebas daripada penyakit. Kita ada *score* dia untuk penyakit. Ketiganya, mestilah bebas daripada rumpai dan padi angin. Jadi, ini *screening* yang pertama.

Selepas lulus daripada *screening* yang itu, kita bawa ke makmal. Di makmal kita ada empat lagi ujian. Satu ujian kelembapan, ujian percambahan, ujian ketulenan dan ujian carian benih lain. Maknanya benih padi angin, benih-benih rumpai yang lain. Jadi maknanya, perbezaan antara benih padi sah dengan padi tidak sah, maknanya benih padi sah telah melalui proses-proses yang tadi itu. Berlakunya penyakit walaupun hasil tinggi di sesetengah tempat kerana penggunaan benih padi yang tidak sah yang mana dia tidak melalui proses ini. Benih padi tidak sah tadi kita tidak ada jaminan yang dia bebas daripada penyakit, tidak ada jaminan

yang dia bebas daripada padi angin, tidak ada jaminan benih padi yang tidak sah ini tidak ada benih rumpai-rumpai lain. Itu yang sebab apa ada...

**Tuan Pengerusi:** Saya faham Tuan Haji Md. Zin. Soal saya begini, orang di *supermarket* dia beli beras yang masuk dalam kampak itu. Sekarang beras dalam kampak itu kalau ada *certification* kata beras ini bebas rumpai, bebas apa semua ini, pakai benih sah maknanya ada nilai untuk hendak buat penakrifan benih ini sah atau tidak sah. Akan tetapi kalau beras yang pakai benih tidak sah pun masuk dalam kampak itu dengan tidak ada cap daripada kementerian, MARDI atau mana-mana agensi kerajaan untuk mengesahkannya *then* tidak ada nilailah, tidak ada makna hendak buat penakrifan benih padi sah dengan tidak sah ini.

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Tuan Pengerusi, saya hendak mencelah sedikit, dalam pengeluaran benih padi sah ini. Mengapa kita hendak mengeluarkan benih padi sah, salah satunya disebabkan kita hendak *limit* dia punya generasi benih padi ini. Dalam pengeluaran benih padi ini kita ada daripada awal, biak baka, kemudian dijadikan benih asas, daftar dan akhirnya sah, di mana ada empat generasi. Generasi benih padi ini apabila melalui daripada biak baka kepada asas, daftar, dari segi ketulenan ia semakin menurun, dari segi kekuatan ia semakin menurun dan sebagainya.

Mengapa kita perlu *limit* sehingga sah sebab kita tidak mahu apabila benih padi sah ini digunakan lagi semula oleh petani, dibuat sebagai benih dan benih-benih sehingga ke beberapa generasi. Dari segi ketulenan ia dan dari segi kekuatannya semakin berkurangan. Apabila dari segi kekuatan berkurangan, ia akan menimbulkan masalah penyakit dan sebagainya. Apabila masalah penyakit ini merebak meluas, ia akan menjejaskan dari segi hasil. Apabila hasil itu jatuh, maknanya dia akan *effect* kepada pengeluaran padi kita sendiri. Itu sebabnya, tujuannya kita *limit* kan sehingga padi sah sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya bukan sahaja sahkan benih padi tetapi beras dalam kampak itu pun kena sahkan juga.

**Encik Mohamad Zuhairi bin Ali:** Dia...

**Tuan Pengerusi:** Boleh dijual kerana ia menepati ataupun menggunakan benih padi yang sah. Ini belum lagi masuk benih yang di *produce* secara *genomics*.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya, betul.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini, peranan kementerian sekarang ini ke mana? Itu yang saya hendak tahu sebab belanja ini setiap tahun. Kerajaan belanja sampai lebih RM80 juta.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Kalau subsidi kepada padi lebih kurang RM2.3 bilion setahun.



**Tuan Pengerusi:** So, ini belum lagi kita bincang fasal impak padi yang dihasilkan secara *genomics*, yang bukan padi yang asli. Sekarang ini peranan kementerian dalam hendak mengawal bekalan beras ini yang wujud daripada penanaman dari benih ini, adakah perkara ini kerajaan ada kuasa untuk memastikan bahawa setiap tahap proses tersebut sampai masuk ke kempit beras dalam *supermarket* yang kita makan itu, ada *forces of law* belakang itu. Kalau tidak macam ini, saya tengok kalau apa yang dijual di *supermarket* itu tidak ada *forces of law*, maknanya tidak ada beras yang sah dengan beras yang tidak sah yang timbul daripada benih yang sah dengan benih yang tidak sah.

So bagi saya, apa yang dibuat oleh kementerian ini pun tidak membazir, tidak *consistent*. Maknanya sekarang ini sudah dua, tiga tahun yang telah dikeluarkan ini, nampaknya pencapaiannya rendah daripada apa yang sepatutnya dicapai. Mungkin orang lain yang buat secara tidak sah, dia buat lebih bagus daripada apa yang kementerian buat. Itu pun kena di...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Daripada segi itu, nampaknya begitulah. Akan tetapi kalau kita lihat amalan baik ini, memang sekarang ini nampak peningkatan padi ini, hasil beras kita ini *because* mamanglah hasil daripada kegiatan kita yang *very thoroughly* itu tadi. Kita menggunakan benih padi ini yang telah melalui proses-proses sebenar. Di negara-negara lain pun amalan ini dibuat. Kalau tidak, *food security* ini, katalah sekarang ini kita kata boleh pakai benih padi apa sahaja, kalau sekarang ini berlaku misalnya penyakit separuh dari kawasan-kawasan padi di Malaysia, bayangkan sekarang ini SSL kita hanya *about* 60%, 70%. Bayangkan kalau berlaku begitu, kita akan mengimport lagi banyak beras dari luar negara dan kita tidak akan capai SSL kita yang kita rangka dan jangkakan pada tahun 2020.

Jadi, rasanya memang kalau hendak fikirkan pembaziran betul tetapi pembaziran ini memang dalam satu keadaan di mana kita hendak melihat pembaikan, memang *that is the sacrifices*.

#### ■1310

Negeri maju pun menggunakan pembaikan-pembaikan macam ini. Kalau tidak, memang kita apabila cakap *food security*, memang kita tidak akan dapat capai. Ini yang kita terpaksa melakukan proses-proses ini untuk memastikan benih padi sah ini memang bebas daripada penyakit, bebas daripada keadaan itu. Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Sebab itu tadi saya masih beranggapan Dato', kalau 85 juta itu boleh digunakan untuk apa sahaja pembaikan. Contohnya, macam tadi kalaulah kita tahu bahawa kita boleh bagi subsidi kepada sesiapa sahaja yang dapat benih yang lebih baik. Daripada kita terpaksa mengikut benih...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*  
Pengeluar-pengeluar ini?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Pengeluar-pengeluar ini. Jadi, kita bagi subsidi terus kepada petani tadi. Dia beli benih, dia dapat sijil.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Memang tahun macam– tahun 2009 Yang Berhormat. Tahun 2009, memang ada Jemaah Menteri memberikan keputusan mengatakan kita kena beri kepada petani. Kepada pengeluar ini untuk sementara sahaja. Tahun 2010, sepatutnya kita kena...

**Tuan Pengerusi:** Sudah terus Dato', sampai 2014 masih ada lagi.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya lah. Ini yang saya hendak buat balik ini. Apabila Audit masuk teliti balik, memang saya akui. Arahan Kabinet tidak dilaksanakan. Jadi,...

**Tuan Pengerusi:** Hendak buka *mic* ke atau tidak hendak buka *mic* Dato'?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Oleh sebab benda ini memang bagi saya, *better* kita ini– penjelasan...

**Tuan Pengerusi:** *Better be truthful.*

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Yes, ini fakta. Tahun 2010, kita minta Jemaah Menteri punya keputusan untuk kita beri tambahan kepada beberapa buah syarikat. Semasa itu sudah tender? *Still* lagi *direct nego*, okey. Akan tetapi dalam *paper* Kabinet itu tidak menjelaskan yang mengatakan bahawa kita sambung ini dan kita masih lagi tidak memberi kepada petani sebagaimana arahan pada tahun 2009. Ini yang memang bagi saya, sebarang keputusan Kabinet yang tidak dilaksanakan hendaklah dimaklumkan kepada Kabinet. Ini saya sudah minta supaya satu *paper* Kabinet disediakan untuk memaklumkan bahawa kita lagi– Tentulah semasa tahun 2009, *paper* Kabinet telah ada *justification*, *why* kita masih lagi beri kepada syarikat, tahun 2010 kita masih beri kepada petani, *why* kita tidak laksanakan?

Ini memang saya akui bahawa perkara ini mesti dijelaskan. Saya beritahu dengan pegawai saya, walaupun menteri akan berdepan dengan mengapa keadaan ini tidak sihat, jadi maknanya, yang lepas itu bagi kita ialah untuk *way forward*, kita kena akui kesalahan ini. Kita kena tengok balik *why* kita masih lagi macam *statement* Yang Berhormat, kita memberi kepada pengeluar, tidak kepada petani. Memanglah ada *justification* kalau kita beri kepada petani, pengeluar akan menaikkan harga benih yang lebih tinggi. Kadang-kadang itu mungkin andaian kita, benda itu mungkin tidak berlaku. Jadi, yang ini– tetapi kesilapan tidak melaksanakan arahan Kabinet itu satu kesalahan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya. Kerajaan sudah membuka ladang baru. Apakah sistem yang digunakan untuk ladang baru ini?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** IADA ini. Maksud Yang Berhormat, ladang baru ini ialah IADA lah, yang kita wujudkan IADA Batang Lupar. Sekarang ini, sama sahaja. Kaedahnya sama, cuma apabila kita mengadakan pembukaan kawasan-kawasan baru, di mana kita dapat-macam saya kata tadi, kita dapat melaksanakan. Oleh sebab punca sebenar kenaikan *yield* ini tidak dapat dilaksanakan sebenarnya ialah contohnya macam di Thailand, Vietnam ialah sistem pengairan yang tidak sempurna, itu dia.

Apabila sistem pengairan ini— itu sebabnya macam di Thailand dan Vietnam dahulu, dia beri— dia tidak ada beri subsidi lain. Subsidi air sahaja. Akan tetapi cuma di Thailand sekarang ini, air pun dia sudah tidak beri subsidi sebab memang tidak ada subsidi. Kita memang mengakui di negara-negara lain subsidi tidak sebanyak ini. Memang kita akui. Itu yang kita buat transformasi bagaimana kita hendak *rationalize* balik subsidi ini.

**Tuan Pengerusi:** Dia ada bagi kita sebuah rajah pencapaian pengeluaran, *yield* lah. *Yield* di negara-negara itu.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Negara-negara kan.

**Tuan Pengerusi:** Negara-negara itu.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** *Compare*.

**Tuan Pengerusi:** Memang Malaysia dengan Thailand lebih kurang sama sahaja.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya lah sama.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kita bagi subsidi...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Betul.

**Tuan Pengerusi:** ...lebih lagi daripada penanam di Thailand. So, ini yang saya katakan tadi, *the value for money* itu. Hendak subsidi boleh tetapi jangan atas dasar keselamatan makanan negara.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Keselamatan makanan negara.

**Tuan Pengerusi:** Itu digunakan sebagai alasan untuk tidak melihat kepada penggunaan subsidi ini dengan lebih *value for money* yang boleh meningkatkan kita punya pengeluaran. Itu sahaja yang saya maksudkan.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Walaupun ada hujah-hujah ataupun natijah-natijah mengatakan memang walaupun di *Thailand* itu 3.5 ataupun *three point* sama dengan kita, pengeluaran kebangsaan dibuat seperti 3.8 tetapi kawasan dia lebih luas dan dia boleh mengeksport. Kawasan kita kecil dan itu yang *constrain* kita. Akan tetapi memang berdasarkan

pengalaman saya pergi ke Thailand, China, memang tanah dia memang bagus. *Mekong, Chao Phraya* memang sebuah lembah yang...

**Tuan Pengerusi:** Sebab itu saya katakan tadi, *this* program boleh diteruskan, cuma kita hendak tengok kepada *more value for money* lah.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** *Value for money.*

**Tuan Pengerusi:** Itu sahaja kan isu dia, sebab itu...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Betullah.

**Tuan Pengerusi:** ...saya lebihkan kepada sini tadi pasal dia punya persoalan lebih kepada *value for money program*.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Sama ada apa kaedah yang kita boleh beri boleh mendatangkan hasil peningkatan meningkat tetapi tidak— macam Yang Berhormat cakap tadi, tidak kita beri keutamaan hasil ini kepada pengeluar-pengeluar, bukan kepada petani yang sepatutnya.

**Tuan Pengerusi:** Sebab itu tadi timbul isu yang saya katakan tadi, adakah program ini untuk hendak mementingkan beberapa *company* sahaja kan? Jadi, kita ini kena fikir gitu Dato'.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Apabila ada keputusan Kabinet itu yang saya kata, mesti ada hujah-hujah kita yang kita akan berhentikan ini untuk sementara, kita akan beri. Sama ada kita hendak *develop* petani, dia yang akan menanam benih padi itu atau semua. Saya rasa mesti ada hujah, kalau tidak, *paper* itu tidak akan dapat dibentangkan dalam ini. Itu saya akan akui, baru kita akan buat kepada *paper* memaklumkan keadaan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ada soalan lain, sebab masa sudah 1.15pm kan?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Kembali kepada Jabatan Pertanian tadi. Berkaitan dengan yang padi jenis benih yang terkawal inilah, dengan yang *illegal* inilah. *I mean way forward, we talk about security* dan sebagainya, apakah kementerian atau Jabatan Pertanian, beras-beras yang *illegal* inilah, yang dikhuatiri boleh merosakkan balik kita punya penanaman padi ini sebab benih ini *illegal, not uncontrolled*. Jadi, apakah kerajaan hendak merampas ataupun berusaha untuk merampas, *destroy* beras-beras yang sudah menjadi ini seperti mana yang dibuat di tempat lain.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Akan tetapi setakat ini kita tidak ada. Maksudnya Yang Berhormat itu, sepatutnya ialah kalau hendak menggalakkan mesti pakai benih sah, yang tidak pakai itu mesti ada satu tindakan. Sama ada itu boleh dibuat secara peraturan kah, supaya merampas balik kah ataupun mendenda kah, apa semua, itulah. Kalau tidak, kita...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya, itulah. Kalau tidak, kita tidak akan capai walaupun matlamat kita untuk meningkatkan hasil. Balik kepada tadi, Tuan Pengerusi cakap tadi. Kita *spend*. Orang boleh juga pakai benih padi tidak sah. Betul. Jadi, betullah. Maknanya kan— jadi, makna tidak ada. Bermakna, bercanggah dengan apa yang kita rangka. Okey Yang Berhormat. Kita tinggalkan tentang...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Terakhir, terakhir. Okey, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tentang *improper payment* tadi itu.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Okey, yang ini saya hendak masuk. *Improper payment*. Kita masuk pergi *improper payment*. *Improper payment* ini kita tengok, terus kepada- [Merujuk kepada *slaid*] Kita ada dua *improper payment*. Satu yang kita bayar, lebih bayar kepada 92,000 ini. Ini bagi saya kelemahan manusia. Dia sepatutnya bila DOA beri SAP10, ini maksudnya dia beri kepada pengeluar itu yang merasakan pengeluar boleh jual benih padi itu.

#### ■1320

Bila pengeluar hendak *claim* kepada IPB, kepada bahagian saya, bahagian yang *in charge* beras ini, dia pergi bayar berdasarkan kepada DO itu. Sepatutnya berdasarkan SAP 10. Katakanlah SAP 10 kata 10,000 metrik tan, yang orang itu beli kemungkinan 5,000 metrik tan. Sepatutnya dia bayar ikut *invois*, dia bayar ikut SAP 10. Ini memang tidak ada undang-undang boleh melepaskan pegawai pun. Memang salah. Kenapa *you* tidak *check*? Ini bukan fasal hendak ubah SOP peraturan *very clear*. Terlebih bayar RM92,000. Ini kepada syarikat, kita beri kepada dua syarikat. Syarikat Paddytech dengan yang Syarikat MADA itu. Okey, yang itu kita sudah buat macam – Syarikat Paddytech itu rasanya SPRM pun sudah keluarkan surat kepada kita, yang Syarikat MADA belum lagi.

Akan tetapi memang kita ada arahan itu mengatakan bahawa SOP boleh dibetulkan, semua sekalilah, itu satu. Kedua...

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada unsur rasuah lah?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Yang itu tidak ada, itu SOP.

**Tuan Pengerusi:** SOP, okey.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya, maknanya kita pun sebenarnya sebelum ini pun kita sudah betulkan SOP balik, macam mana dan lain-lain. Kedua, yang banyak ini adalah RM317,000 ini. RM317,000 ini ialah melibatkan kepada... saya ingat tiga buah *company*. Syarikat Pertama, syarikat Haji Mohd Nor... [Disampuk] Dua, Syarikat Pertama dan Syarikat

Paddytech tadi. Bila dalam invoice, SAP 10 ini memang dia ada, saya tengok dia punya kelulusan pun ikut fail, ada SP/3/4/5/6/7 apa semualah. Bila invoice pun dia buat macam itulah.

Jadi invoice daripada *company* itu dia masukkan benih padi sah dengan benih daftar pun dia masukkan. Sampai kepada pegawai, ya lah boleh macam-macamlah, sama ada pegawai terus bayar sahaja ataupun sepatutnya dia semak. Dia semak mana yang sah, mana yang tidak sah. Mana yang patut *claim*, mana yang tidak patut *claim*. Ini memang kesilapan manusia. Ini bukan kata kita apa – memang *company* memang salahlah. Dia hantar, kita patut semak lagi. Itu sebabnya ada lapisan-lapisan penyemakan. Okey, yang Syarikat Haji Mohd Nor itu, dia mengaku yang dia salah dan SPRM sudah minta supaya kita batalkan, *blacklist* dia kalaulah ada yang kita *award the next tender*.

*The next tender* dia dapat, *agreement* belum siap dan memang kita akan terus batal. [Disampuk] Dia dapat pasal keputusan ini baru hari ini, baru 16 Februari. Tender sudah keluar pada bulan Oktober.

**Tuan Pengerusi:** Lepas sudah kena itu dia dapat juga?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Dia dapat, bukan maksudnya, kita tidak tahu kerana *based on performance*, *based on* kilang dia memang bagus. Dia mengaku melakukan penipuan, dia mengaku. Jadi maknanya kita *blacklist*. Maknanya saya bincang dengan... saya, ada atau tidak kemungkinan kita akan berdepan dengan saman yang mengatakan bahawa *once* kita sudah keluarkan LA, dia sudah juallah cuma *agreement* memang biasanya *agreement* tiga bulan selepas LA. Itu standard. Jadi tidak mengapa. Walau bagaimanapun kita akan jalankan peranan, kita akan beritahu dia kita akan *blacklist* dia dan kita akan batalkan LA itu.

Akan tetapi biasalah ya, LA ini akan berdepan dengan itulah, *unless* kalau ada *mutual*...

**Tuan Pengerusi:** Pegawai yang terlibat itu ada ambil tindakan?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Pegawai yang terlibat itu ada ambil tindakan?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Itu proses yang kedua. Jadi, maknanya kita sudah berbincang dengan bahagian integriti kita untuk menyiapkan laporan itu.

**Tuan Pengerusi:** JPA ambil maklum JPA ya.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya, itu memang kita...

**Tuan Pengerusi:** Wakil JPA nanti.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** *Once* ia siap. Ya, itu kita akan buat. Pegawai yang di bawah saya punya *board* saya akan jalankan. Pegawai yang di bawah JPA kita akan serahkan kepada JPA. Okey, kemudian macam yang tadi, yang 300 lebih itu, yang ada satu itu

RM294,000 itu ya, RM294,000 itu SPRM kata saya pun tunggu kalau dia minta balik. Rupanya SPRM kata, "*SOP salah, terlepas*". Padahal banyak itu. RM294,000, SOP kita salah. Maksudnya, kita tidak maklumkan kepada dia tentang – rupanya pengertian, dulu benih padi ini, yang dia boleh *claim* ini termasuk benih padi sah dan lain-lain. *Interpretation* itu kita tidak maklumkan walaupun itu yang SPRM punya, walaupun daripada siasatan kita dengan pegawai, pegawai kata "*Dia ada dalam meeting dan pegawai telah memaklumkan tentang perkara itu*". Itu satu perkaralah.

Cuma saya katakan dengan dia, dengan pegawai saya, ada atau tidak minit *meeting* itu? [Ketawa] Kalau tidak ada minit *meeting* itu memanglah soalan kata, SPRM kata "*Dia tidak dimaklumkan secara lisan ataupun bertulis*". Itu dia. Pegawai kata "*Memang dia panggil semua syarikat dan syarikat tahu apa bezanya yang padi sah apa, di mana SOP telah pun dikeluarkan*". Pengertian interpretasi itu sudah dimaklumkan.

**Tuan Pengerusi:** Daripada segi siasatan dalaman semua Dato' sudah buat?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Sudah buat. Kita sudah ubah.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini menunggu dia punya keputusan sajalah.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Sudah. SOP, kita sudah ubah sudah semua, sudah beritahu. Akan tetapi mengikut pegawai kata, "*Betul, company ini ada semasa meeting*". Itu yang saya kata saya tengah semak sekarang ini minit ada dikeluarkan atau pun tidak. [Ketawa] Entah-entah kita *meeting* minit tidak keluar. Memanglah, dia boleh kalau betul tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...SPRM Dato', mereka cadang satu hari hendak adakan 'Akta Salah Laku Pejabat Kerajaan'. Kalau ada akta macam ini, kesilapan itu terus kepada pegawai yang terlibat, dia kena ambil tindakan tanpa ada tribunal, apa semua sekali.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Ya, lah.

**Tuan Pengerusi:** Itu yang mereka cadangkanlah.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Jadi...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Kemudian yang lain-lain rasanya...

**Tuan Pengerusi:** Lain-lain itu...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Yang lain itu untuk penambahbaikan SOP kita sudah buat. Kemudian, lagi satu yang tentang pemantauan itu memang ada, pemantauan dibuat oleh DOA dan juga kita. Memang itu sebabnya, ada banyak lagilah yang kita buat sekarang ini. Macam dulu, *companies* yang gagal, misalnya dia *only* 3.2% dia gagal

menyampaikan ataupun memberikan benih padi sah itu. Sekarang ini kita hendak masukkan supaya ada bon 5% dan kita akan beritahu dia dan juga dalam *agreement* kita sudah sebut bagi jumlah yang dia tidak dapat *supply*, *government* akan beli dan *government* berhak untuk menuntut *actual* kos daripada syarikat.

**Tuan Pengerusi:** Itu Syarikat Paddytech inilah?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Tidak, semua sekali *agreement* baru.

**Tuan Pengerusi:** Paling rendah sekali Syarikat Paddytech, yang masih lagi disambung.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Dia punya perbekalan dia walaupun...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Itu kena tunggu lagi SPRM punya surat. Ada lagi dua yang belum SPRM jawab.

**Tuan Pengerusi:** Okey, boleh kita dapat maklumat ahli lembaga pengarah dan lain-lain tentang syarikat Paddytech ini?

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Boleh.

**Tuan Pengerusi:** Maklumat syarikat ya.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Boleh. Satu lagi Tuan Pengerusi, yang Syarikat MADA. Syarikat MADA ini pun dia sama juga dengan Haji Mohd Nor itu. Akan tetapi Haji Mohd Nor sudah dapat, MADA belum dapat. *Balance* itu kita sudah tulis surat untuk minta lah, MADA sudah bayar. Akan tetapi surat daripada SPRM itu belum dapat lagi. Akan tetapi kita tunggulah. *The same case* tetapi kita tidak dapat lagi.

Kemudian Yang Berhormat, kalau sudah habis itu kita pergi kepada ST15 ya. Okey, ST15 ini memang saya saya tidak dapat siapkan kerana baru saja dapat. Akan tetapi ST15 ini, dulu memang ST15 ini kalau hendak ikutkan kalau subsidi untuk ST15 sahaja setahun lebih kurang dalam RM528 juta. Jadi, subsidi ST15 ini memang sekarang ini kita sedang buat pembaikan. Pertama, kita sekarang ini tidak ada lagi ketua pengarah. Dalam akta itu ada ketua pengarah padi dan beras. Bukan bahagian ataupun ketua pengarah yang buat keputusan. Akan tetapi ada *committee* yang dianggotai oleh pegawai-pegawai setiap jabatan, berbeza, itu satu. Akan tetapi itu pun tidak memadai.

#### ■1330

Yang kedua, kita juga berharap bahawa sekarang ini berdasarkan kita keluarkan, katalah kuota dia 60,000 metrik tan sebulan. 40,000 di Semenanjung, 20,000 di Sabah dan Sarawak. Ia melibatkan 895 pemborong. Memanglah kalau betul-betul kita kata- sekarang ini memang kita sedang menyediakan *paper*. Kalau kita hendak beri beras ini terus kepada petani,



kita boleh beri. Kalau anggaran dua kempit, satu kempit itu berapa ringgit, kita beri pada dia. Akan tetapi sekarang ini belum lagi. Akan tetapi memanglah yang ini ada kaitan dengan *statement* Yang Berhormat Tuan Pengerusi tadi, mengatakan sama ada kita hendak membantu petani atau kita hendak membantu pengeluar ataupun pemborong-pemborong.

Ini memang satu kenyataan. Kalau ikutkan, memang tidak sampai pun kadang-kadang padi ataupun beras ST15 ini. Masa saya di *Domestic Trade* dulu, saya tengok pasal ada program itu sampai ke Marudi, Long Lama. Pekedai pun tidak pernah tengok plastik itu. Perkara ini memang berlaku dan ini memang kita- Kalau betul-betul kita tengok pun, keperluan sebenar pun tidak sampai pun 60,000. Bagi saya, saya kata dengan menteri. Menteri pun *agreed*. Orang pun tidak akan hendak pakai ST15. ST15 ini lebih rendah daripada ST5, ST10 dan ST15. Di Semenanjung ini memang dicampur hancur itu sedikit. Akan tetapi kalau *compare* ST15 di Sabah dan Sarawak, ia lagi bagus macam ST5. Oleh sebab dia punya campur dengan beras dari Vietnam.

Vietnam punya beras memang cantik. Jadi, beras ST15 ini di Sabah dan di Sarawak lebih baik daripada ST15 di Semenanjung. Akan tetapi itu sebabnya, kalau kita tengok dulu-dulu ST15 ini boleh dijual di *Giant*, di *supermarket*. Sekarang ini kita *stop*, tidak boleh jual. Oleh sebab kalau kita boleh jual di *supermarket*, yang akan beli restoran. Yang itu yang kita makan.

**Tuan Pengerusi:** Atau pendatang asing.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Macam dulu bila ada kedai KR1M. Bila kita hendak pergi kedai KR1M kena bawa kad pengenalan. Mana larat. Kalau orang asing, tidak boleh beli. Tidak boleh, kawalan macam itu tidak boleh buat. Jadi...

**Tuan Pengerusi:** Itu sebab saya kata tadi Dato', apa benda yang kerajaan niat baik pun tetapi dari segi pelaksanaan itu banyak sangat 'lubang' dia, faham ya? 'Lubang' ni boleh dikorek. Dikorek lagi, dikorek lagi ataupun ada...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Takut kita yang terjatuh dalam 'lubang' itu. Kadang-kadang kita yang bawa kereta itu, kereta *sport rim* kita itu masuk dalam lubang itu patah.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi siapa yang bawa kereta itu, kita hendak tangkap.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Jadi, itu yang Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, memang sekarang ini kita sedang sediakan supaya apa mekanisme yang terbaik, yang bukan kita beri kepada pemborong tetapi memang kita hendak beri. Kalau subsidi ini pun, kita beri kepada petani.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita tangguh dulu sementara program ini, sebab program ini memang tidak sampai kepada bawah pun. Dato' pernah duduk dalam kementerian dulu, 500

juta ini *is a lot of money*. Kalau 60,000, 700 ringgit, 1 tan sebulan, 42 juta, sebulan kali dua belas, 500 juta. Kenapa kita tidak tangguh dulu? Oleh sebab kita tahu hari ini, sama ada atau apa cara pun memang beras itu tidak sampai di bawah. Kalau sampai pun, macam Yang Berhormat kata tadi, antara nasi kandar ni beli ataupun kilang bihun beli. Jadi, rakyat...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Memang betul Yang Berhormat cakap tadi. Masa saya pergi ke Sabah dulu, memang kedai restoran mamak itu saya buka hendak ke bilik air, bersusun. Ini ST15, masa itu saya pun tidak tahu ST15. Eh, banyaknya beras saya tengok.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingatkan kedai mamak itu masih dalam kampit lagi masa dekat tepi bilik air.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Saya kata memang betul. Bila kita sampai pergi ke Marudi, Long Lama itu, memang dia pun tidak pernah tengok. Kadang-kadang kita hendak tolong rakyat tetapi sebenarnya benda tiada dalam pasaran. Akan tetapi tidak apa, yang cadangan untuk menanggungkan itu akan saya bawa dan kita akan bawa cadangan saranan daripada PAC ini supaya bincang dengan Menteri sama ada *paper* Kabinet kena dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Sebab dalam hal ini Dato', kalau mengikut dalam Audit punya pembentangan, memang program ini gagal. *Confirm*. Gagal pasal apa, beras itu tidak sampai pada sasarannya. Itu nombor satu, gagal. Nombor dua gagal, tidak ada SOP.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Betul. Adalah.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada la Dato', mana ada? Kalau sampai dekat kedai mamak dengan orang asing beli. Tidak ada Dato'.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Mana ada, kalau ada kawal selia pun hendak dikejar macam mana.

**Tuan Pengerusi:** Ketiga, kawal selia. SOP tiada. Keempat, siapa yang *manipulate system* ini? Ini yang menjadi masalah kita. Saya pun telah dimaklumkan, SPRM dah masuk. Jadi, sebab itu bila Audit bagi pembentangan tadi, *no defense* untuk kementerian meneruskan program ini.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Cuma satu, saya ada bercakap dengan kilang-kilang itu, ada lah. Akan tetapi sama ada natijah ini- nanti kita akan bincang sama-sama mengatakan bahawa kalau ST15 ini tidak ada, kilang-kilang bumiputera akan tutup. Yang itu yang saya sedang tengok, macam mana kita hendak supaya ada *business* lain yang bumiputera di kilang boleh buat.

**Tuan Pengerusi:** Sebab itu tajuk program ini, kalau dia subsidi untuk rakyat, itulah tajuk dia. Kalau tajuk dia adalah untuk bantu pengilang beras bumiputera, itulah tajuk dia. Sekarang ini Dato' dah lari hendak bantu bumiputera pula. Padahal tajuknya...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Kalau kita hendak kahwin dengan orang itu, kahwin dengan orang itulah, jangan kahwin dengan orang lain.

**Tuan Pengerusi:** Betul Dato', tajuk dia. Macam baru-baru minggu lepas, bangunan RTM. Tajuk dia hendak buat Pusat Berita Bersepadu. Lepas itu, baru kita dapat tahu dapat peruntukan bangunan sahaja. Alat tiada. So, sekarang ini jadi pejabat am.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Saya faham, saya faham.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, jangan tukar tajuk Dato'. Tajuk dia itu...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Betul tetapi memang...

**Tuan Pengerusi:** Soal pekilang bumiputera itu pun memang lain hal. Akan tetapi soal tajuk projek ini Pengurusan Subsidi.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Saya memang optimis, macam menteri memang bercadang untuk membuat yang transformasi yang begitu drastik. Oleh sebab saya beritahu dia, saya cakap dengan dia, kalau kita hendak telus untuk mengelakkan manipulasi, *politician* kena berani berdepan. Saya kata, saya akan bentang apa *findings* saya dan ini hendak dibuat. Akan tetapi memang menteri kata, 'Arif, telus. *Once* telus, kita boleh...

**Tuan Pengerusi:** Jadi, memandangkan Dato' pun masih lagi dalam perbincangan ST15 ini kan? Macam saya cakap tadi, program ini memang gagal. Jadi, apa penambahbaikan Dato' hendak buat itu, kita ambil kira. Akan tetapi kita juga hendak tahu kebelakang. Bagaimana sistem ini telah diuruskan pada ketika itu. Pasal apa, *complain* daripada orang ramai pasal isu pengurusan beras ST15 ini memang satu negara. Bukannya tertumpu pada satu tempat.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Itu la saya kata. Yang *complain* ni pemboronglah, yang dapat, tidak dapat. 895 orang itu. Pada hal petani ini berapa ratus ribu orang? Jadi, kita pula pening kepala hendak menjawab lapan ratus lebih ini. Lebih baik kita utamakan petani ini.

**Tuan Pengerusi:** Daripada segi pemberian kuota dan sebagainya, ini sama ada perkara itu telus atau tidak telus, itu jadi masalah. Apa Dato' cakap tadi pasal ahli politik itu saya setuju. Saya pun ahli politik tapi kalau...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Hujan, kadang-kadang hujan di Petaling, di Klang tidak hujan.

**Tuan Pengerusi:** Saya faham.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Saya faham

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kita tetap hendak- daripada kita buat perubahan hendak ke depan tetapi di belakang itu kita hendak tahu siapa yang bertanggungjawab. Jadi...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Penutup sampai di situ sahaja. Projek ini saya betul cakap Dato', sasaran tidak sampai. Dato' pula pening kepala dari segi kuota. Bagi sorang, 894 orang marah. Ketiga, kita tahu pengurusannya itu akan menyusahkan.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Apa keadaan pun, saya ingat itulah, sasaran itu bukan...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Ya, bukan. Jadi, saya benar-benar mencadangkan ia ditangguhkan Dato', sementara - selain daripada hendak buat penambahbaikan itu, lambat. Jadi, sampailah...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Untuk sementara ini.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** ...sasaran itu kita tahu, baru kita fikir penambahbaikan. Akan tetapi ini sasaran kita tahu memang susah. Lepas itu kita akan bermasalah dengan *Domestic Trade* ini untuk buat penguatkuasaan. Dato' punya kementerian buat penguatkuasaan. Banyak kita kena tambah kerja untuk hendak selesaikan kerja yang kita...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Kerja baru pun tidak berhasil. Ada sikitlah.

**Tuan Pengerusi:** Dato', saya cadangkan Dato' datang balik nanti bahas untuk bagi ulasan pasal ST15 ini.

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Yang ini betul. Saya akan sediakan apa perkara-perkara yang kita akan boleh buat, apa sahaja diambil tindakan yang dibuat oleh kementerian dan apa yang boleh dicadangkan untuk penambahbaikan.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, sebelum saya hendak ini, saya hendak *details* untuk sikit *press conference* nanti. Jumlah tadi Dato' kata, 895 pemborong. Jumlah subsidi untuk...

**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** 528 juta setahun. Kita mengeluarkan lebih 60,000 metrik tan ST15.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, 60,000 metrik tan, 40 Semenanjung dan 20 di Sabah dan Sarawak. Okey. Ada apa lagi soalan lain? Tiada? Kalau tidak ada soalan lain, saya ucapkan terima kasih Dato', kerana sudi datang.


**Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman:** Jadi, Yang Berhormat dan Ahli-ahli PAC, saya pun bagi pihak pegawai-pegawai saya mengucapkan terima kasih banyak.


**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.43 petang.]**



**DOKUMEN  
PEMBENTANGAN**

	<p>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013 SIRI 3          AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN          SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN          - DIBENTANG DI DEWAN RAKYAT PADA 10 NOVEMBER 2014</p>	
<p><b>TAKLIMAT HASIL PENGAUDITAN TERHADAP          PROGRAM SUBSIDI BENIH PADI SAH          (Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani)          UNTUK          JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)</b></p>		
		
<p>31 Mac 2015          SELASA</p>	<p><b>JABATAN AUDIT NEGARA</b></p>	


	<p>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013 SIRI 3</p>	<p>2</p>
<p><b>LATAR BELAKANG          PROGRAM SUBSIDI          BENIH PADI SAH</b></p>		



LATAR BELAKANG PROGRAM 3

### Objektif Program Subsidi Benih Padi Sah


- 1 Menggalakkan pesawah menggunakan benih padi bermutu tinggi dan disahkan supaya hasil pengeluaran padi ditingkatkan.
- 2 Membantu pesawah mendapat benih yang lebih murah dan berkualiti.




LATAR BELAKANG PROGRAM (samb...) 4

Bayaran **insentif kepada pengeluar** di Semenanjung Malaysia bagi pengeluaran benih padi sah:

- Kelulusan Jemaah Menteri - 9 Ogos 2006
- Kadar bayaran insentif:
  - ✓ Tahun 2007 – 2008 : RM0.50/kg
  - ✓ Tahun 2009 – 2014 : **RM1.03/kg**
  - ✓ Tahun 2011 hingga kini : RM1.03/kg (termasuk Sabah/Sarawak)  
: RM15.00/kg (benih padi hibrid)
- Kaedah pelantikan pengeluar benih padi sah:
  - ✓ Tahun 2007 – 2012 : Rundingan Terus (5 - 13 pengeluar)
  - ✓ Tahun 2013 - 2014 : **Tender Terbuka (12 pengeluar)**

 LATAR BELAKANG PROGRAM (samb...)					
5					
<b>KUOTA, PERUNTUKAN DAN KADAR INSENTIF BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2013 MENGIKUT JENIS BENIH PADI</b>					
BIL.	JENIS BENIH PADI	KAWASAN	KUOTA (TAN METRIK)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM JUTA)	KADAR INSENTIF (RM)
1.	Padi Inbred	Semenanjung	72,711	74.89	1.03
2.		Sabah	4,500	4.64	1.03
3.		Sarawak	2,400	2.47	1.03
4.	Padi Hibrid	Semenanjung	200	3.00	15.00
JUMLAH			79,811	85.00	-

 LATAR BELAKANG PROGRAM (samb...)				
6				
<b>PERUNTUKAN, KUOTA, KADAR DAN BILANGAN PENGELUAR BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2014 (8 TAHUN)</b>				
TAHUN	PERUNTUKAN (RM JUTA)	KUOTA (MT)	KADAR INSENTIF (RM/KG)	BILANGAN PENGELUAR (SYARIKAT/ AGENSI)
2007	30	74,000	0.50	5
2008	30	74,000	0.50	5
2009	37	74,000	1.03	5
2010	85	85,000	1.03	13
2011	85	80,000	1.03	9
2012	85	80,000	1.03	
2013	85	80,000	1.03	12
2014	85	80,000	1.03	






LATAR BELAKANG PROGRAM (samb...)

7.

Pengesahan varieti benih padi oleh Jabatan Pertanian Malaysia:

- ✓ Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM- 2009)
- ✓ *Malaysian Standard MS ISO 469 : 1993 - Specification for Rice (Oryza Sativa) Seed for Planting (First Revision)*
- ✓ Prosedur Skim Pengesahan Benih Padi
- ✓ Manual Kerja Inspektorat, Amalan & Kaedah Ujian Biji Benih Padi
- ✓ *International Rules for Seed Testing Edition 2010 - International Seed Testing Association (ISTA)*
- ✓ *ISTA Handbook on Seedling Evaluation - International Seed Testing Association (ISTA)*
- ✓ *Malaysian Standard MS ISO 320 : 2008 Seed - Sampling & Tests (Second Revision)*






LATAR BELAKANG PROGRAM (samb...)

8.

**PERANAN BAHAGIAN/AGENSI**

BIL.	BAHAGIAN/ AGENSI	PERANAN
1.	Bahagian Industri Padi Dan Beras (IPB) MOA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menetapkan dasar, menyelaraskan dan memantau program pengeluaran benih padi sah.</li> <li>• Mengesahkan tuntutan pengeluaran bagi tujuan bayaran insentif.</li> </ul>
2.	Jabatan Pertanian	Agensi pengesahan bagi memperakukan kualiti biji benih.
3.	MARDI	Penyedia dan penyimpan stok benih baik baka dan membekalkan benih padi asas kepada pengeluar.
4.	Bahagian Kewangan, MOA	Memproses dan meluluskan bayaran insentif kepada pengeluar.
5.	Pengeluar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membeli benih baik baka dari MARDI dan bekalkannya kepada service provider untuk disemai dan dijadikan benih daftar.</li> <li>• Membekal benih daftar kepada <i>Seed Grower</i> untuk dijadikan benih padi sah.</li> <li>• Memproses benih padi sah dan dijual kepada pesawah.</li> <li>• Membuat tuntutan insentif berdasarkan bil jualan &amp; SAP 10.</li> </ul>
6.	Pesawah	Menanam benih padi sah untuk dijadikan padi beras.





SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

11


**SKOP PENGAUDITAN:**  
Meliputi aspek pengurusan benih padi sah bagi tempoh tahun **2011 hingga 2013**.

Pengauditan dijalankan di:

1. **IBU PEJABAT MOA** – Bahagian Industri Padi Dan Beras, Bahagian Kewangan dan Jabatan Pertanian.
2. **NEGERI** - Bahagian Padi, Tanaman Industri Dan Florikultur (PTIF) di 4 Negeri - Selangor, Kedah, Pulau Pinang & Terengganu.


**METODOLOGI PENGAUDITAN:**

1. Semakan fail, rekod dan dokumen.
2. Pemeriksaan fizikal di semaian, ladang, loji pemprosesan, makmal ujian dan stor benih padi dilakukan pada bulan Oktober hingga Disember 2013.
3. Menemu bual pegawai dan pengeluar.
4. Penggunaan Borang Soal Selidik kepada responden/petani untuk mendapatkan maklum balas.



12

**HASIL  
PENGAUDITAN**

 RUMUSAN KESELURUHAN (samb...)

13

Secara umumnya program subsidi benih padi sah adalah **memuaskan**. Perkara – perkara yang memuaskan adalah seperti berikut:

- 1 Peningkatan 10.3% (384 kg/ha) dalam produktiviti padi 5 tahun sebelum dan 5 tahun selepas pelaksanaan program subsidi benih padi sah.
- 2 Ladang benih diurus dengan baik oleh petani benih yang menyertai Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP).
- 3 Pengeluaran padi pada tahun 2011 meningkat dan mencapai formula sasaran iaitu dengan kadar peningkatan 1.3% setiap tahun.  
Keluaran Tahun 2010 – 2.55 juta mt ; Tahun 2011 - 2.58 juta mt (2.55 juta mt x 1.3%).

 PENGURUSAN SEMAIAN/LADANG BENIH (samb...)

14


**GAMBAR MENUNJUKKAN LADANG SPBP YANG DIURUS DENGAN BAIK**



*Ladang Benih Di Kepala Batas,  
Seberang Perai, Pulau Pinang  
(No. Lot :20149, Luas :1.72 Hektar,  
Varieti : MR 269 Daftar,  
Tarikh Tanam: 29.9.2013)  
(28.11.2013)*



*Ladang Benih Di Kepala Batas,  
Seberang Perai, Pulau Pinang  
(No. Lot : 20133, Luas : 1 Hektar,  
Varieti : MR 220 CL2 Daftar,  
Tarikh Tanam: 02.10.2013)  
(28.11.2013)*




RUMUSAN KESELURUHAN (samb...)

15

**4** Pemantauan adalah memuaskan:

- i. MOA mengadakan 3 kali setahun Mesyuarat Pemantauan Program Insentif Benih Padi Sah.
- ii. Jabatan Pertanian (DOA) menjalankan:
  - a. Pemeriksaan ladang benih 4 kali semusim penanaman dan ujian ke atas lebih kurang 4,000 sampel biji benih di 7 makmal.
  - b. Pemeriksaan loji pemprosesan, stor dan stok dari semasa ke semasa.





RUMUSAN KESELURUHAN


16

Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian.

- 1** Pengeluar benih padi sah varieti inbred tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dalam lingkungan 3.19% hingga **96.74%** bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013.
- 2** Pengeluaran benih hibrid hanya mencapai kuota **5.14%** tahun 2012.
- 3** Pengeluaran padi rendah berbanding negara lain.
- 4** Perbelanjaan Subsidi Benih Padi Sah – Peruntukan dikemaskini bagi menunjukkan perbelanjaan mencapai 100%.

	RUMUSAN KESELURUHAN
	17
<p><b>5</b> Peruntukan subsidi benih padi sah sabah/sarawak tidak digunakan.</p>	<p><b>6</b> Pembayaran subsidi (insentif) tidak menepati syarat perjanjian mengakibatkan berlaku <i>improper payment</i> berjumlah <b>RM410,557.60</b>.</p>
<p><b>7</b> Tuntutan insentif yang kurang menepati objektif program. - Jualan benih padi sah kepada anak syarikat</p>	<p><b>8</b> Kaedah penanaman <i>transplanting</i> mengurangkan penggunaan benih padi sah dalam lingkungan 12,714 mt/tahun hingga 54,121 mt/tahun.</p>
	SYOR AUDIT

	PRESTASI PROGRAM
	18
<p><b>1. Prestasi Subsidi Benih Padi Sah</b>  <b>1.1. Pencapaian Pengeluaran Benih Padi Sah</b>  <b>a. Pengeluaran Benih Padi Sah Varieti Inbred Tidak Konsisten Dan Tidak Mencapai Sasaran</b></p>	
<p><b>PENEMUAN AUDIT</b></p>	
<p>1. Pencapaian secara keseluruhan pengeluaran benih padi sah tidak konsisten bagi 3 tahun berturut iaitu 80.98% (2011 - <b>shortage</b>), 113.14% (2012 - <b>surplus</b>), 86% (2013 - <b>shortage</b>).</p> <p>2. Pencapaian pengeluaran benih padi sah oleh pengeluar adalah juga tidak konsisten iaitu 16.26% hingga 187.94% berbanding kuota.</p>	
★	

 PRESTASI PROGRAM (samb...)

19


**SEBAB**

1. Kegagalan memperolehi *seed grower*.
2. Kekurangan dana kewangan pengeluar.
3. Benih padi yang ditanam musnah akibat banjir di Kedah pada tahun 2011.

**KESAN**

1. Peruntukan kewangan tahunan mengalami *surplus* dan *deficit*.
2. Menjejaskan bekalan benih yang konsisten.

★

 PRESTASI PROGRAM (samb...)

20

**MAKLUMBALAS SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2014**

- Beberapa syarikat tidak memenuhi sasaran kuota disebabkan kegagalan mendapatkan peserta ladang benih serta peratus penolakan ladang dan ujian kualiti benih di makmal yang tinggi.
- Tahun 2013 pencapaian pengeluaran benih padi sah adalah 86.0%. Ketidakcapaian ini adalah disebabkan ladang benih padi diserang penyakit *Bacterial Leaf Blight* (BLB) yang serius (Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Perak).
- MOA mengeluarkan Notis Kemungkinan kepada pengeluar yang tidak mencapai sasaran kuota. Tahun 2014 - 3 Notis Kemungkinan.

★

 PENGELUARAN PADI (samb...)

21

**ANTARA SEBABNYA - TUMBUHAN PAKU RAWAN, RUSIGA, BACTERIAL LEAF BLIGHT & BERLOPAK**



★

 PENGELUARAN PADI (samb...)

22

**PEROSAK SIPUT GONDANG *POMACEA*, KESING & LADANG PADI TERBIAR**



★



 PRESTASI PROGRAM (samb...)

23

**b. Pengeluaran Benih Hibrid Hanya Mencapai Kuota 5.14% Tahun 2012**


**KRITERIA**

- Peruntukan RM3 juta (setiap tahun) bagi tahun 2011, 2012 dan 2013.
- Kadar insentif - RM15 sekilogram.
- Varieti hibrid Siraj berupaya menghasilkan 20% lebih tinggi, lebih berkualiti, lebih rintang dan lebih berpotensi hasil berbanding dengan varieti benih padi inbred.
- Sasaran dalam perjanjian - **200 mt/tahun** untuk tahun 2011 dan 2012.

**PENEMUAN AUDIT**

- Pengeluaran : 2011 – **Tiada pengeluaran.**  
2012 – 10.28 mt (**pencapaian – 5.14%**).  
2013 - **Tiada kontrak dimeterai.**
- Penanaman padi hibrid hanya bermula pada musim ke-2 tahun 2012 di tanah seluas 35 hektar disebabkan kelewatan menandatangani kontrak pada 26 April 2012.





 PRESTASI PROGRAM (samb...)

24

**MAKLUMBALAS SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2014**

- Kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Syarikat RB Biotech Sdn. Bhd. sebagai pengeluar benih padi hibrid mengenai isu yang menjejaskan pengeluaran benih.
- Syarikat ini mengalami masalah percambahan, menghadapi masalah mendapat kawasan dan kesukaran mendapatkan *growers* yang berkemahiran.
- MOA berpandangan benih padi hibrid perlu dipergiatkan.





## PENGELUARAN PADI

25

**c. Pengeluaran Padi Rendah Berbanding Negara Lain**


PENEMUAN AUDIT

Analisis Audit mendapati purata pengeluaran hasil padi di Malaysia rendah berbanding dengan negara pengeluar utama padi yang lain.

PURATA PENGELUARAN HASIL PADI PENGELUAR UTAMA DUNIA  
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2011

NEGARA	PURATA HASIL (MT/HA)				
	2007	2008	2009	2010	2011
CHINA	6.42	6.56	6.58	6.55	6.69
INDIA	3.29	3.42	3.24	3.36	3.53
INDONESIA	4.71	4.90	5.00	5.02	4.98
BANGLADESH	4.08	4.14	4.24	4.34	4.22
VIETNAM	4.99	5.22	5.24	5.34	5.53
THAILAND	3.01	2.98	2.88	2.94	2.97
MYANMAR	3.93	4.03	4.06	4.07	4.08
PHILIPPINES	3.80	3.77	3.59	3.62	3.68
JAPAN	6.51	6.78	5.22	5.21	5.33
BRAZIL	3.83	4.23	4.40	4.13	4.90
USA	8.09	7.67	7.94	7.54	7.92
KOREA REP.	6.35	7.39	7.60	6.88	7.38
PAKISTAN	3.32	3.52	3.58	3.06	2.40
EGYPT	9.77	9.73	9.59	9.42	9.57
MALAYSIA	3.51	3.58	3.72	3.64	3.75

Sumber: Perangkaan Padi Malaysia 2011, DOA




## PENGELUARAN PADI (samb...)

26

MAKLUMBALAS SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2014

- Purata hasil padi bagi negara jiran - Thailand 3.0 mt/ha, Indonesia 5.14 mt/ha dan Vietnam 5.63 mt/ha. Dengan itu, Malaysia 3.8 mt/ha & **Jelapang Padi** 6 mt/ha bukanlah di tahap yang rendah tetapi setanding dengan negara jiran.
- MOA bersetuju dengan pandangan Audit bahawa Amalan Pertanian Baik (GAP) dapat membantu keberkesanan pengurusan padi yang akhirnya dapat meningkatkan pengeluaran padi yang berkualiti.
- MOA/DOA berusaha mengambil langkah untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi di Malaysia dengan cara memperluaskan Amalan Pertanian Baik (GAP) di kalangan petani.


PRESTASI KEWANGAN
27

### 1.2. Pencapaian Prestasi Kewangan

#### a. Perbelanjaan Subsidi Benih Padi Sah

**KRITERIA**

- Peruntukan program ini bagi tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM255 juta (RM85 juta setiap tahun).

**PENEMUAN AUDIT**

- Mulai tahun 2007 hingga 2013, MOA membelanjakan sejumlah RM458.39 juta (93.04%) daripada peruntukan berjumlah RM492.64 juta untuk program subsidi benih padi sah.
- Bagaimanapun, **diperhatikan peruntukan beberapa tahun dikemas kini** kepada amaun perbelanjaan menggambarkan pencapaian 100%.


**MAKLUMBALAS SEHINGGA 24 JULAI 2014**

Viremen dilakukan apabila terdapat baki peruntukan subsidi benih padi sah dan seterusnya akan disalurkan kepada program subsidi/insentif yang lain. ★


PRESTASI PROGRAM (samb...)
28

**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM  
SUBSIDI BENIH PADI SAH BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2013**
★

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	BAKI (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
2007	29,000,000	29,000,000	2,842,630.00	26,157,370.00	9.80
2008	30,000,000	41,860,000	40,767,990.00	1,092,010.00	97.39
2009	37,000,000	119,431,000	119,431,000.00	-	100.00
2010	85,000,000	84,636,130	84,636,129.70	0.30	100.00
2011	85,000,000	81,831,150	74,831,149.40	7,000,000.60	91.45
2012	85,000,000	66,334,933	66,334,933.80	(0.80)	100.00
2013	85,000,000	69,547,996	69,547,996.00	-	100.00
<b>JUMLAH</b>	<b>436,000,000</b>	<b>492,641,209</b>	<b>458,391,828.90</b>	<b>34,249,380.10</b>	<b>93.04</b>

 PRESTASI KEWANGAN (samb...)

29

**b. Peruntukan Subsidi Benih Padi Sah Sabah/Sarawak Tidak Diguna**

**KRITERIA**

Peruntukan tahunan bagi Sabah RM4.64 juta dan Sarawak RM2.47 juta bagi tahun 2011 hingga 2013.

**PENEMUAN AUDIT**

Peruntukan tidak dibelanjakan.

**SEBAB**

Pengeluar tidak dilantik di Sabah dan Sarawak.

**KESAN**

Tiada bayaran subsidi.

★


 PRESTASI KEWANGAN (samb...)

30

**MAKLUMBALAS SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2014**

- Pengeluaran benih padi di Sabah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sabah sendiri. Justeru itu, ianya tidak termasuk atau melibatkan sebarang pembayaran insentif oleh MOA, berikutan hanya syarikat swasta sahaja yang layak menerima insentif tersebut. MOA akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI) untuk perluasan program ini di Sabah.
- Perancangan untuk memperluaskan pelaksanaan projek di Sarawak telah mula dilaksanakan menerusi projek Pusat Pengeluaran dan Pemprosesan Benih Padi (SPPC). MOA akan melaksanakan perolehan secara tender terhad bagi melantik operator SPPC bagi tahun 2015.

★

 PENGURUSAN INSENTIF (samb...)

31

### 3.1. Pengurusan Subsidi Benih Padi Sah

#### 3.1.1 Pembayaran Subsidi


##### a. Pembayaran Subsidi (Insentif) Tidak Menepati Syarat Perjanjian

#### KRITERIA

Nota Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani kepada Jemaah Menteri bertarikh 1 Ogos 2006 dan 17 Disember 2010 serta kontrak antara Kerajaan dengan syarikat pengeluar:

- Insentif dibayar bagi pengeluaran benih padi sah.
- Takrif Benih Padi Sah adalah benih bermutu, subur, bebas daripada padi angin, perosak dan penyakit serta dapat meningkatkan hasil.
- Insentif diberi secara terus kepada petani (seed grower) setelah pengusaha mengemukakan resit jualan benih padi sah kepada petani bersama borang SAP-10 Jabatan Pertanian.

★

 PENGURUSAN INSENTIF (samb...)

32

#### PENEMUAN AUDIT


### 1. Improper Payment Berjumlah **RM410,557.60**

#### a) **RM92,803 - Bayaran melebihi kuantiti jualan pengeluar**

Contoh:

- ✓ SAP 10 (akuan pengesahan benih padi) – 2,000 beg benih.
- ✓ Pengeluar hanya jual 1,000 beg, tetapi menuntut insentif untuk 2,000 beg berdasarkan SAP 10 (bukannya berdasarkan jumlah kuantiti jualan yang sebenar seperti dalam invois).

★

 PENGURUSAN INSENTIF (samb...)

33


**PENEMUAN AUDIT**

**1. Improper Payment** Berjumlah **RM410,557.60**

b) **RM317,754.60 – Bayaran Bagi Jualan Benih Padi Daftar (insentif adalah untuk benih padi sah)**

- ✓ 2 syarikat pengeluar terlibat iaitu Paddytech dan Pertama Padi.
- ✓ Perjanjian Tahun 2011: Paddytech (18.8.2011). Pertama Padi (tiada kontrak).
- ✓ Perjanjian Tahun 2011 tidak menyenaraikan benih daftar dalam takrifan Benih Padi Sah.
- ✓ Tuntutan insentif bagi jualan benih padi daftar tahun 2011.
- ✓ YB Menteri MOA bersetuju pada 17.11.2011 bagi bayaran tuntutan benih padi sah sahaja seperti termaktub dalam perjanjian tahun 2011.
- ✓ Bayaran dibuat pada 23.9.2011 (Paddytech) & 7.12.2011 (Pertama).

★


 PENGURUSAN INSENTIF (samb...)

34

**MAKLUMBALAS SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2014**

- Kementerian dalam tindakan untuk menyemak semula invois yang terlibat di peringkat Kementerian dan syarikat pengeluar bagi memastikan bayaran yang dibuat adalah betul.
- Berdasarkan perjanjian tahun **2010**, takrif “benih padi sah” termasuklah **benih baka, benih asas dan benih berdaftar**. Justeru itu, pembayaran insentif turut dilaksanakan ke atas benih padi daftar.
- Takrif “benih padi sah” ini telah dipinda dalam perjanjian **tahun 2013 dan 2014** di mana terma “termasuk benih baka, benih asas dan benih berdaftar” **telah digugurkan** dan hanya benih padi sah sahaja yang layak dibayar insentif.

★


 PENGURUSAN INSENTIF (samb...)


35

**PENEMUAN AUDIT**

**2. Tuntutan Insentif Tidak Disokong Dengan Dokumen**

- SAP 10 hanya akan dikeluarkan setelah memperoleh kelulusan ujian makmal (SAP 8) dan pengesahan pemeriksaan stor dan stok (SAP 9).
- Berdasarkan Prosedur SPBP DOA, Pemasaran Benih Padi Sah - pengeluar hanya dibenarkan menjual lot benih yang telah mendapat kelulusan melalui SAP 10.
- 2 bayaran dibuat **sebelum** SAP 10 diluluskan dan SAP 10 yang **luput tempoh**. Penjelasan lanjut seperti berikut:




 PENGURUSAN INSENTIF (samb...)


36

**PENEMUAN AUDIT**

Bayaran kepada Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn. Bhd.:

1. Bayaran **sebelum** SAP 10
  - Baucar B0205 berjumlah **RM6,859.80**.
2. Bayaran dengan SAP 10 yang **luput** tempoh pengesahan antara 57 hingga 78 hari
  - Baucar B0126 berjumlah **RM6,901**



 PENGURUSAN INSENTIF (samb...)

37

**MAKLUMBALAS SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2014**


Jabatan Pertanian mengesahkan bahawa terdapat benih padi yang melepasi tempoh tiga (3) bulan selepas SAP10 dikeluarkan masih lagi berkeadaan baik dan berkualiti untuk dijual kepada petani.

Dalam keadaan ini, pembayaran yang dibuat ke atas SAP 10 yang melepasi tempoh tiga (3) bulan adalah mengambil kira syarikat pembekal yang menjual benih padi yang masih berkualiti dan baik.

Kementerian dalam tindakan untuk menyemak semula SAP 10 bersama Jabatan Pertanian Malaysia bagi memastikan tuntutan dan bayaran yang dibuat adalah untuk benih padi sah.

Kementerian akan cuba mengemukakan bukti-bukti berkaitan dan dibentangkan semasa mesyuarat *exit conference*.

★

 PENGURUSAN INSENTIF (samb...)

38

**PENEMUAN AUDIT**

**b. Tuntutan Insentif Yang Kurang Menepati Objektif Program**  
**- Jualan Benih Padi Sah Kepada Anak Syarikat**

Salah satu objektif program adalah supaya petani dapat membeli benih padi sah dengan harga yang murah dan berkualiti.


Perjanjian antara Kerajaan dan pengeluar menyatakan **pengeluar boleh menjual kepada ejen** yang dilantik oleh pengeluar.

Ketetapan ini **tidak selaras dengan objektif program** kerana jualan kepada ejen **tidak dapat membuktikan** sama ada benih padi sah telah sebenarnya dijual kepada petani padi.

Perkara ini dapat **menimbulkan keraguan** terutamanya apabila ejen yang dilantik merupakan anak syarikatnya.

★







PENGURUSAN INSENTIF (samb...)

39

**MAKLUMBALAS SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2014**

- MOA mengambil maklum teguran audit dan berusaha melaksanakan penambahbaikan.
- IPB dalam usaha untuk melesenkan ejen-ejen yang dilantik oleh syarikat bagi membolehkan pemantauan yang lebih komprehensif.
- MOA juga akan memasukkan klausa jaminan bon pelaksanaan dalam perjanjian tahun 2015 dan 2016.

KADAR PENGGUNAAN BENIH PADI SAH


40


**Kaedah Penanaman *Transplanting* Mengurangkan Penggunaan Benih Padi Sah Dalam Lingkungan 12,714 mt/tahun Hingga 54,121 mt/tahun**

**KRITERIA**

Mengikut *Methods of Planting Rice by International Rice Research Institute*, terdapat 2 kaedah penanaman padi iaitu transplanting dan tabur terus.

- Kaedah **Tabur Terus**: kadar penggunaan benih **tinggi** 80 - 100 kg/hektar.
- Kaedah **Transplanting**: kadar penggunaan benih **rendah** 25 - 65 kg/hektar di samping dapat meningkatkan hasil padi.





## KADAR PENGGUNAAN BENIH PADI SAH


41

**Kaedah Penanaman *Transplanting* Mengurangkan Penggunaan Benih Padi Sah Dalam Lingkungan 12,714 mt/tahun Hingga 54,121 mt/tahun**

**PENEMUAN AUDIT**

- 2 ladang padi di Kampung Sungai Burung, Balik Pulau, Pulau Pinang mengguna teknik tabur terus. Semakan Audit terhadap rekod Kementerian mendapati teknik ini juga diamalkan di ladang-ladang padi di Kedah dan Terengganu.
- Manakala, di Sekinchan, Selangor kebanyakan petani padi menggunakan kaedah *transplanting* dan mendapati hasil padi adalah lebih tinggi.
- **Penjimatan penggunaan benih:** 25,879.30 mt/tahun (517,586 ha x 25 kg x 2 musim penanaman/1,000) hingga 67,286.18 mt/tahun (517,586 ha x 65 kg x 2 musim penanaman /1,000).
- **Penjimatan bayaran insentif/perbelanjaan Kerajaan:** RM13.10 juta [RM1.03 x (80,000,000 kg - 67,286,180 kg)] hingga RM55.74 juta [RM1.03 x (80,000,000 kg - 25,879,300 kg)].

★



## KADAR PENGGUNAAN BENIH PADI SAH (samb...)

42

**MAKLUMBALAS SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2014**


Kuantiti penggunaan benih padi sah ini adalah berbeza mengikut kaedah penanaman dan memang tidak dinafikan bahawa penggunaan *transplanter* ini mampu untuk menjimatkan penggunaan benih padi sah.

Berdasarkan kajian Jabatan Pertanian Malaysia, kaedah tanaman secara tabur terus memerlukan purata 150kg/ha benih padi sah, manakala penggunaan *transplanter* pula hanya memerlukan kira-kira 70kg/ha benih padi sah.

Namun begitu, *transplanter* kurang diguna kerana ianya terhad kepada beberapa faktor seperti kos tinggi serta kurang “service provider” yang membekal peralatan ini kepada petani.


Di samping itu, keadaan permukaan tanah kurang sesuai untuk menggunakan jentera ini seperti di kawasan tanah jerlus dan sebagainya.

★

 SYOR AUDIT 43

- 1 MOA hendaklah meneliti kembali trend pengeluaran oleh syarikat pengeluar mengikut kewibawaan masing-masing. MOA hendaklah memastikan setiap pengeluar mencapai sasaran kuota secara konsisten.
- 2 MOA hendaklah merancang berdasarkan bajet dan mengkaji semula keperluan untuk mempergiatkan varieti hibrid serta memperluaskan program ke Sabah dan Sarawak.
- 3 MOA hendaklah menyiasat punca *improper payment* dan menuntut kembali dari pengeluar dengan segera dan mengambil tindakan ke atas pegawai jika berlaku kecuaihan. MOA mengkaji semula proses pengesahan tuntutan insentif dan memantapkan lagi kawalan dalaman dalam pembayaran.

★

 SYOR AUDIT 44

- 4 MOA dan DOA hendaklah memantapkan pengurusan bayaran insentif kepada pengeluar yang menjual benih kepada ejen.
- 5 MOA mengkaji secara lebih terperinci dan menyeluruh kaedah penanaman padi yang lebih berkesan untuk membantu mengurangkan penggunaan benih padi dan seterusnya mengurangkan perbelanjaan kerajaan serta menjimatkan wang awam. Dalam kajian tersebut elemen *Best Value For Money* secara total hendaklah diambil kira.
- 6 MOA, DOA dan Agensi berkaitan meningkatkan usaha sama untuk mengkaji keberkesanan program subsidi benih padi sah bersama-sama insetif/subsidi lain yang berkaitan dengan padi.

★



**Sekian  
Terima Kasih**





# PEMBENTANGAN KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BERHUBUNG PROGRAM SUBSIDI BENIH PADI SAH 31 Mac 2015



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA



# KANDUNGAN



1. **LATAR BELAKANG DAN KONSEP PELAKSANAAN PROGRAM BENIH PADI SAH (BPS)**



2. **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH AUDIT DAN PENAMBAHBAIKKAN**


- **Prestasi Program Subsidi Benih Padi Sah**
- **Pengurusan Subsidi Benih Padi Sah**
- **Kadar Penggunaan Benih Padi Sah**
- **Pemantauan**



3. **HAL-HAL LAIN**



# **LATAR BELAKANG DAN KONSEP PERLAKSANAAN PROGRAM BENIH PADI SAH**



**-Pelaksanaan program pemberian subsidi (insentif) pengeluaran dan penggunaan benih padi sah bermula tahun 2007 melalui kelulusan Jemaah Menteri pada 9 Ogos 2006.**

**-Program ini masih diteruskan sehingga kini**





**Penggunaan  
benih padi  
bermutu tinggi,  
tulen dan  
disahkan**



**Penggunaan  
meluas mulai  
tahun 2009**

## **Tujuan Program Benih Padi Sah**

**Pelaksanaan  
ke Sabah dan  
Sarawak**




**Pesawah  
mendapat  
benih yang  
lebih murah  
dan berkualiti**



# PROSES DAN PELAKSANAAN PROGRAM BPS



# PROSES DAN PELAKSANAAN PROGRAM BPS



# PROSES DAN PELAKSANAAN PROGRAM BPS

## PERUNTUKAN, KUOTA, KADAR DAN BILANGAN PENGELUAR BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2014 (8 TAHUN)

TAHUN	PERUNTUKAN (RM JUTA)	KUOTA (MT)	KADAR INSENTIF (RM/KG)	BILANGAN PENGELUAR (SYARIKAT/ AGENSI)
2007	30	74,000	0.50	5 = 4 + 1 (DOA)
2008	30	74,000	0.50 (Mac 2008) 1.03 (April 2008)	5 = 4 + 1 (DOA)
JUN 2009	37	74,000	1.03	5 = 4 + 1 (DOA)
JULAI 2009	82.4	85,000	1.03	13 = 4 + 9
2010	85	85,000	1.03	13
2011	82	80,000	1.03	9 + 1 *(Hibrid)
	*3	*200	*15	
2012	82	80,000	1.03	
	*3	*200	*15	
2013	85	80,000	1.03	12 <sup>8</sup>
2014	85	80,000	1.03	



**PERKARA-PERKARA  
YANG DIBANGKITKAN  
DAN ULASAN SERTA  
PENAMBAHBAIKAN**

# ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN

## **1 Prestasi Program Subsidi Benih Padi Sah**

- 1.1 Pencapaian Pengeluaran Benih Padi Sah –**
  - 1.1 (a) Pengeluaran Benih Padi Sah Varieti Inbred Tidak Konsisten Dan Tidak Mencapai Sasaran**
  - 1.1 (b) Kegagalan pengeluar memenuhi kuota tahunan**
- 1.2 Pengeluaran Benih Padi Sah Varieti Hibrid Hanya Mencapai Kuota 3.92% Bagi Tahun 2012**
- 1.3 Pencapaian Objektif Sampingan Program Dari Segi Peningkatan Hasil Pengeluaran Padi**
- 1.4 Pengeluaran Hasil Padi Masih Rendah Berbanding Negara Lain**
- 1.5 Pencapaian Prestasi Kewangan Program - Perbelanjaan Subsidi Benih Padi Sah**

# **ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN (sambungan)**

## **2 Pengurusan Subsidi Benih Padi Sah**

**2.1 Terdapat improper payment berjumlah RM410,557.60**

**2.2 Bayaran Insentif Ke Atas Jualan Benih Padi Sah Sebelum Kelulusan SAP 10 dan SAP 10 Telah Luput Tempoh Pengesahan berjumlah RM13,760.80**

**2.3 Jualan Benih Padi Sah Kepada Anak Syarikat**

## **3 Kadar Penggunaan Benih Padi Sah**

**3.1 Kaedah Penanaman Secara Mencedung/*Transplanting* Dapat Mengurangkan Penggunaan Benih Padi Sah Dalam Lingkungan 12,714 mt/tahun hingga 54,121 mt/tahun**

## **4 Pemantauan**

# SOALAN DAN ULASAN

**S1.1 (a): Pencapaian pengeluaran benih padi sah secara keseluruhan adalah tidak konsisten dan tidak mencapai sasaran iaitu 80.98% bagi tahun 2011, 113.14% bagi tahun 2012 dan 86% bagi tahun 2013**

**Jadual Keperluan dan pencapaian pengeluaran BPS**

Tahun	Keperluan	Pencapaian Pengeluar	Pencapaian Sebenar
2011	80,000 mt	64,874mt (80.98%)	86.025.02mt (107.55%)
2012	80,000 mt	90,752 mt (113.145%)	
2013	80,000 mt	68,796 mt (86%)	

2011: 107.55% termasuk pencapaian pengeluar yang tidak dilantik pada tahun berkenaan

2012: 113.15.% melebihi keperluan

2013: 86% - serangan penyakit

**Jadual Pengeluaran padi 2011 hingga 2014**


TAHUN	2011	2012	2013	2014p
Pengeluaran (tan matrik)	2,578,519	2,599,382	2,603,654	2,645,119



**S1.1 (b): Pengeluar yang dilantik gagal mencapai sasaran kuota yang ditetapkan**

- Keperluan BPS di Terengganu = 2,760 mt/tahun tetapi kuota yang diberi = 2,000 mt/tahun (Paddytech Resources Sdn. Bhd.)
- Pencapaian Paddytech 2013 pada tahap 3.26% sahaja.

**Ulasan:**



**Langkah Penambahbaikan:**

2007 - 2014	Terkini
-	Bon Pelaksanaan 5%
Notis kemungkiran (2014)	Notis kemungkiran dan denda
Akta Kawalan 522 -1994	Mewujudkan peraturan berkenaan dengan pembekalan

**S1.2 : Pengeluaran benih padi sah varieti hibrid hanya mencapai kuota 3.92% bagi 2012 dimana;**

**2011 - tiada**

**2012 - 7.84 mt (3.9%)**

**2013 - 2.44 mt (walaupun tiada sasaran yang ditetapkan dan tanpa perjanjian).**

**Ulasan :**

Pencapaian kuota 2011 dan 2012 tidak dicapai atas sebab-sebab berikut;

- i. Masalah pencambahan
- ii. Tiada kawasan penanaman
- iii. Kurang peserta ladang yang berkemahiran

Tiada pembayaran dibuat untuk pengeluaran 2013 (2.44mt)

Pembaikbakaan berbeza dengan padi inbred (BPS). Padi hibrid memerlukan kaedah 3 titisan CMS

(sambungan..)

**S1.2 : Pengeluaran benih padi sah varieti hibrid hanya mencapai kuota 3.92% bagi 2012 dimana;**

**2011 - tiada**

**2012 - 7.84 mt (3.9%)**

**2013 - 2.44 mt (walaupun tiada sasaran yang ditetapkan dan tanpa perjanjian).**

**Langkah  
Penambahbaikan:**


**Kajian MARDI  
berhubung padi hibrid  
masih berterusan dan  
memerlukan  
penambahbaikan aspek-  
aspek berikut;**



### S1.3 : Pencapaian Objektif Sampingan Program dari Segi Peningkatan Hasil Pengeluaran Padi

#### Ulasan:

Pengeluaran hasil padi di Malaysia berjaya ditingkatkan setiap tahun seperti carta berikut:




(sambungan)

### S1.3 : Pencapaian Objektif Sampingan Program dari Segi Peningkatan Hasil Pengeluaran Padi

Langkah Penambahbaikan:-

(SSL)  
beras  
100%  
menjelang  
2020.



Purata  
Hasil Padi  
6.4 mt/ha

Strategi  
peningkatan  
pengeluaran  
padi

Pembukaan 4 jelang baru

Amalan Pertanian Baik (MyGAP)

Pengeluaran varieti baru dan BPS  
berkualiti

Pembangunan sistem pengairan  
dan pengurusan saluran yang  
cekap

Meningkatkan penggunaan  
mekanisasi dan automasi

Tingkatkan intensiti penanaman  
kepada 5 musim 2 tahun

## S1.4 : Pengeluaran Hasil Padi Masih Rendah Berbanding Negara Lain

Ulasan:

KAWASAN	Purata Hasil (Yield) mt/ha	
	2012	2013
MALAYSIA	3.797	3.879
SEM. MALAYSIA	4.369	4.477
JELAPANG	4.866	5.002
SABAH	2.823	3.050
SARAWAK	1.973	1.890

Pengeluaran hasil padi di Malaysia setanding dengan negara-negara jiran yang lain.

### Purata hasil padi (yield) bagi negara jiran:

Data yang dikeluarkan oleh *Food and Agriculture Organization (FAO)* tahun 2012:-

Negara	Purata Hasil (Yield) mt/ha
Filipina	3.78
Thailand	3.0
Indonesia	5.14
Vietnam	5.63

Data yang dikeluarkan oleh *USDA-United States Department of Agriculture* tahun 2013:-

Negara	Purata Hasil (Yield) mt/ha
Filipina	3.8
Thailand	2.9
Indonesia	5.0
Vietnam	5.5

**S1.5 Peruntukan Subsidi Benih Padi Sah untuk Sabah dan Sarawak tidak digunakan (4.64 juta Sabah, 2.47 juta Sarawak)**

**Sabah**

**Tiada pemberian insentif kepada 3 loji**

**Ulasan:**

**Insentif untuk pengeluar swasta**

**Penambahbaikkan:**

**Mesyuarat telah diadakan bagi penyediaan pelan tindakan**

**Sarawak**

**Projek pembinaan Pusat Pengeluaran dan Pemprosesan Benih Padi (SPPC) belum disiapkan**

**Ulasan:**

**Telah siap dan diserahkan kepada MOA pada 28.5.2015**

**Penambahbaikkan:**

**Dalam tindakan melaksanakan urusan lantikan operator SPPC**

- S2.1 Terdapat *improper payment* berjumlah RM410,557.60**
- a. lebihan bayaran insentif berjumlah RM92,803;**
  - b. bayaran insentif untuk benih padi daftar berjumlah RM317,754.60**
  - c. Bayaran Insentif Ke Atas Jualan Benih Padi Sah Sebelum Kelulusan SAP10 dan SAP 10 Telah Luput Tempoh Pengesahan berjumlah RM13,760.80.**

**Ulasan:**

**Kementerian telah mengambil tindakan seperti keputusan SPRM bertarikh 16 Februari 2015:**

- 1. Tuntutan semula kepada Syarikat terlibat**
- 2. Pemakluman status kepada unit integriti Kementerian menerusi memo**

**Penambahbaikkan:**

- a. Penyediaan *Standard Operating Procedure* (SOP)**
- b. senarai semak untuk invois dan SAP 10**
- c. semakan tuntutan invois dan SAP 10 ditambahbaik kepada (2) dua peringkat**
- d. penambahbaikkan ke atas takrifan benih padi sah iaitu perkataan “termasuk benih baka, benih asas dan benih berdaftar” digugurkan**



## **S2.2 Jualan Benih Padi Sah kepada Anak Syarikat. Pembayaran dibuat kepada ejen yang dilantik dan bukannya kepada petani**

### **Ulasan:**

**Kementerian melalui Seksyen Kawalselia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB) telah menyediakan draf pindaan akta 522 dan peraturan-peraturan dibawahnya bagi melesenkan ejen-ejen yang dilantik oleh pihak syarikat bagi membolehkan pemantauan secara lebih komprehensif dilakukan.**

### **Penambahbaikan:**

**Antara pindaan yang dicadangkan adalah:**

- (a) Melesenkan Loji Pemprosesan Benih Padi dan**
- (b) Melesenkan Peruncit Benih Padi**

### **3 Kaedah Penanaman Secara Mencedung/ *Transplanting* Dapat Mengurangkan Penggunaan Benih Padi Sah Dalam Lingkungan 12,714 mt/tahun Hingga 54,121 mt/tahun**

#### **Ulasan:**

**Kementerian menggalakkan petani menggunakan kaedah ini dalam penanaman padi. Walau bagaimana ianya masih belum mampu diaplikasikan sepenuhnya di semua sawah padi di Malaysia atas sebab-sebab berikut : .**

**Pembekal perkhidmatan terhad**

**Harga mesin transplanter dan kos tapak semaian yang tinggi**

**Pusingan penggunaan tapa semaian singkat**

**Kos perkhidmatan tinggi (RM1,000/ha) berbanding RM 250/ha) termasuk kos benih**

**Memerlukan kawasan yang mempunyai pengurusan pengairan yang cekap dan tanah hardpan yang baik.**



#### 4 - Pemantauan berterusan

- Mesyuarat Pemantauan Program Insentif Benih Padi Sah

#### Ulasan:

Kementerian, pihak Jabatan Pertanian Malaysia serta agensi lain yang berkaitan sentiasa melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa

**Memantapkan aspek pengeluaran benih padi sah oleh pihak Jabatan Pertanian Malaysia**

**Memperkemas aspek pemeriksaan stor dan stok berpandukan Standard Operating Prosedur (SOP) Jabatan Pertanian Malaysia**

Penambahbaikkan

**Membangunkan sistem online Paddy Seed Label System Management (PLASM)**



**SEKIAN  
TERIMA KASIH**